

# PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEDUABELAS 2010

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

HARI SELASA: 13 APRIL 2010

CAWANGAN  
PERUNDANGAN PARLIMEN  
MALAYSIA.

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 2, 6,10,12,14,16,18 HINGGA 73 )**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1,3 HINGGA 5 7  
HINGGA 9 DAN 11,13,15,17**

**[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

SOALAN(2)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

LISAN

PERTANYAAN TARIKH DARI PAD 13 APRIL 2010(SELASA) A

Y.B. DR. LEE BOON CHYE (GOPENG)

SOALAN

Y.B. DR. LEE BOON CHYE (GOPENG) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan bilangan dan kos jualan projek-projek pembinaan yang tergendala mengikut jenis pembangunan serta usaha untuk mengatasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 31 Mac 2010, terdapat sebanyak 216 projek perumahan swasta yang tergendala. Jenis pembangunan yang terlibat adalah pembangunan bercampur iaitu melibatkan rumah teres, berkembar, bertingkat dan lain-lain.

Sehingga 31 Mac 2010, terdapat sebanyak 150 projek perumahan swasta terbengkalai di Semenanjung Malaysia dengan anggaran kos jualan sebanyak RM 2.9 bilion. Daripada jumlah tersebut, **sebanyak 30 projek (20%) telah berjaya disiapkan ataupun diselesaikan sepenuhnya.** Manakala 44 projek yang lain (29.3%) sedang dalam pelbagai peringkat pemulihan dan dijangkakan akan dapat disiapkan mengikut tempoh yang dipersetujui bersama dengan semua pihak berkepentingan. Walau bagaimanapun, terdapat baki lagi 76 projek (63.3%) masih dalam peringkat perancangan awal pemulihan di mana KPKT sedang berusaha untuk mendapatkan pemaju penyelamat (*white knight*) bagi memulihkan projek-projek tersebut.

Tuan Yang DiPertua,

Antara langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh KPKT dalam menangani projek-projek perumahan swasta terbengkalai adalah seperti berikut

- (i) **Menvelaras pemulihan** bagi kesemua projek perumahan terbengkalai di Semenanjung Malaysia. Tindakan ini dilaksanakan dengan kerjasama daripada semua *stakeholders* seperti pembeli, institusi kewangan, pemaju penyelamat dan termasuk juga Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- (ii) Bagi mempercepatkan pemulihan projek-projek perumahan terbengkalai terutamanya projek kos rendah dan kos sederhana, Kerajaan Persekutuan telah **menvediakkan dana RM200 iuta** di bawah Bajet 2010 bagi menampung kos tambahan pemulihan projek-projek tersebut.
- (iii) Kerajaan Persekutuan juga **menvediakkan dana** melalui peruntukan khas dan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) kepada **Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)** bagi memulihkan lebih banyak projek perumahan swasta terbengkalai.
- (iv) KPKT sedang dalam proses **memantap dan menambahbaik Akta Pemaian Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 TAkta 1181** bagi meminimalkan bilangan projek-projek perumahan bermasalah di masa-masa akan datang. Ini termasuklah menyenarai hitam Syarikat pemaju dan Ahli Lembaga Pengarah Syarikat pemaju yang bermasalah.

- (v) Menjadakan rundingan dari semasa ke semasa dengan pihak berkepentingan (*stakeholders*) dalam pemajuan perumahan bagi mencari pilihan penyelesaian terbaik bagi projek-projek perumahan yang terbengkalai;
- (vi) Lawatan yang lebih kerap ke tapak projek dan pejabat pemaju untuk membuat semakan dan pemeriksaan ke atas kemajuan projek;
- (vii) Pemantauan dan penvelarasan yang lebih rapi berkaitan pemulihan projek perumahan terbengkalai juga diadakan melalui:-
  - a) Pasukan Petugas Khas Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai yang dipengerusikan oleh Y. Bhg.Tan Sri Ketua Setiausaha Negara;
  - b) Tiqa (3) Kumpulan Keria (*Working Group*) ditubuhkan bagi menumpukan kepada penetapan dasar pemajuan perumahan negara, pemantapan pemulihan projek dan penguatkuasaan undang-undang.

Kementerian  
Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan  
April 2010

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN LISAN

DARI PAD A : DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR]

TARIKH 13 APRIL 2010

SOALAN

Dr. Haji Dzulkefly Bin Ahmad (Kuala Selangor) minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bagaimana sehingga kini tidak wujud kesungguhan ke arah menggunakan bahan bakar diesel yang berkualiti, lebih efisien, bersih dan mesra alam serta di piawai dengan peraturan (sets of regulation), dengan negara-negara Eropah terus memaju penggunaan EURO 4 atau EURO 5 tetapi kita masih dengan EURO 2.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang mempunyai hasrat dan rancangan untuk melaksanakan penggunaan EURO 4-M pada tahun 2011. Walau bagaimana pun pelaksanaan ini terpaksa ditangguhkan sehingga tahun 2014 kerana implikasi kos kepada pengguna dan Kerajaan. Di samping itu, penangguhan ini juga disebabkan EURO 2-M yang dirancangkan untuk dilaksanakan pada 1 April 2007 hanya dapat dilaksanakan pada 1 September 2009 disebabkan peningkatan paras harga minyak mentah yang tinggi di pasaran dunia.

Selain itu, satu tempoh masa yang mencukupi diperlukan (lead time) sebelum pelaksanaan Standard EURO 4-M dapat diberikan pertimbangan sewajarnya oleh pihak Kerajaan. Ini memandangkan peralihan dari Standard EURO 2-M ke EURO 4-M akan melibatkan perubahan infrastruktur yang besar dalam proses pengeluaran bahan api berkenaan dan memerlukan kos yang tinggi.

1

Bagi meningkatkan lagi kualiti minyak diesel kepada EURO 4 atau EURO 5, ianya perlu mengambil kira beberapa faktor seperti kos yang akan

ditanggung oleh pengguna, tempoh masa untuk syarikat minyak mengubahsuai loji penapisan dan bilangan kenderaan berenjin EURO 4 sedia ada yang memerlukan minyak berkualiti EURO 4.

Di samping itu, Kementerian perlu mengambil kira keperluan ini dari segi tahap kualiti udara masakini dan masa akan datang bagi memerlihara kesejahteraan orang ramai. Sehubungan itu, beberapa perbincangan telah diadakan dengan pelbagai pihak untuk menentupasti tempoh yang sesuai untuk menguatkuasakan penjualan minyak EURO 4 dan seterusnya.

Sekian, terima kasih.

## **SOALAN 10**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARI PAD A</b>	<b>TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]</b>
<b>T ARIKH</b>	<b>13 APRIL 2010</b>
<b>SOALAN</b>	<b>Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan:</b>

sebab gondola Eye On Malaysia yang diletakkan di Melaka sebagai tarikan pelancong disita.



## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Gondola *Eye On Malaysia* yang diletakkan di Melaka telah diberhentikan operasinya buat masa kini berdasarkan perintah mahkamah. Ini adalah bagi menyelesaikan pertikaian di antara syarikat pemilik asal *Eye On Malaysia* dan syarikat *Firtaco NV* dari Belgium.

NO. SOALAN : 12

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT  
PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS (2010)

### **PERTANYAAN**

### **LISAN**

### **TARIKH**

**13 April 2010 [ Selasa ]**

### **DARI PAD A**

**Dato' Haji Wan Abd Rahim bin  
Wan bdullah [ Kota Bharu ]**

### **SOALAN :**

**YB Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [ Kota Bharu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah visa bekerja musim haji 2009 yang diperuntukkan kepada Tabung Haji oleh Kerajaan Arab Saudi telah diberikan kepada bukan staf atau bukan pekerja Tabung Haji.

**JAWAPAN :** **(YB Mejar Jeneral Dato<sup>7</sup> Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana**

**Menteri)**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Arab Saudi tidak memperuntukkan apa-apa visa pekerja kepada Tabung

|

Haji (77#) dalam musim haji. Sebarang visa pekerja yang dikeluarkan oleh Kerajaan Arab Saudi adalah kepada syarikat- syarikat di Malaysia yang ada hubungan dengan operasi musim haji seperti syarikat penerbangan dan syarikat yang terlibat dengan urusan catering jemaah haji. Oleh kerana urusan ini tidak melalui 77#, maka 77# tidak mempunyai rekod ke atasnya.

**Sekian, terima kasih.**

NO AUM : 47

NO. AUP : 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
[ PERMATANG PAUH ]

TARIKH 13 APRIL 2010

RUJUKAN 2474

SOALAN:

Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim [ Permatang Pauh ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan status cadangan semakan Akta Keselamatan Dalam Negeri ( ISA ) dan penjelasan terperinci berkenaan tangkapan ISA terhadap sepuluh orang termasuk warga asing baru-baru ini dan fakta pertuduhan tahanan mereka di bawah ISA serta mengapa mereka tidak didakwa di mahkamah terbuka.

JAWAPAN :

*Tuan Yang Dipertua,*

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Permatang Pauh yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN 1960) adalah undang-undang khas yang digubal oleh Parlimen di bawah Artikel 149 Perlembagaan Persekutuan dan ia adalah undang-undang pencegahan. AKDN 1960 masih lagi relevan dan perlu dikekalkan kerana keberkesanannya di dalam mencegah sebarang perbuatan subversif ataupun yang boleh mengancam atau memudaratkan keselamatan negara dan ketenteraman awam.

Sebagaimana yang telah dimaklumi, Y.A.B Perdana Menteri telah mengumumkan pada 3 April 2009 bahawa AKDN 1960 akan dikaji semula. Sehubungan dengan itu, Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Teknikal Kajian Undang-Undang. Jawatankuasa-jawatankuasa ini diberi tanggungjawab untuk menyemak dan mengkaji peruntukan-peruntukan di dalam AKDN 1960 serta prosedur pelaksanaannya.

Jawatankuasa Teknikal ini juga telah menjalankan kajian perbandingan dengan undang-undang sedia ada daripada negara-negara seperti Amerika Syarikat (*USA Patriot Act 2001*), Australia (*Terrorism [Preventive Detention] Act 2005*), United Kingdom (*Terrorism*

*Act*

2000), Singapura (*Internal Security Act 1963*) dan beberapa buah negara yang menguatkuasakan undang-undang yang mempunyai persamaan dengan ISA. Kementerian turut meneliti hasil-hasil kajian dan penulisan oleh ahli-ahli akademik, pengamal undang-undang dan sebagainya, khususnya yang berkaitan dengan pelaksanaan AKDN 1960.

Kementerian juga telah merumuskan bahawa wujud persetujuan bersama semua pihak yang terlibat di dalam sesi pertemuan awam yang diadakan tentang kepentingan dan keperluan kepada undang-undang bagi mencegah sebarang perbuatan atau tindakan keganasan atau yang boleh mengancam keselamatan negara. Di samping itu, hasil daripada siri pertemuan awam tersebut, Kementerian juga telah mengenal pasti lima (5) isu pokok yang menimbulkan ketidakpuashatian sesetengah pihak terhadap penguatkuasaan dan pelaksanaan AKDN 1960. Isu-isu tersebut adalah seperti berikut:

- i) kuasa-kuasa Menteri;
- ii) tempoh tahanan;
- iii) hak-hak dan layanan terhadap orang tahanan;
- iv) persepsi umum-perlaksanaan ISA bagi tujuan politik; dan
- v) penahanan tanpa bicara.

Setakat ini, Kerajaan memutuskan untuk membawa pindaan AKDN

1960 ini bersama undang-undang pencegahan lain seperti Akta Pencegahan Jenayah 1959, Akta Kediaman terhad 1933, Akta Polis 1967 (seksyen 27), Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas (LLPK) 1985. Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 dan Akta Buang Negeri 1959.

*Tuan Yang Dipertua,*

Kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap ancaman terhadap keselamatan negara yang datang dalam apa jua bentuk. Oleh itu, tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang cuba menggugat keamanan, kemakmuran dan keharmonian rakyatnya akan diambil terhadap mereka yang terbabit menjadi ancaman kepada keselamatan negara.

Baru-baru ini, seramai sepuluh (10) orang telah ditahan bagi tujuan siasatan di bawah AKDN 1960 dan mereka ini ditahan apabila siasatan pihak pihak polis mendapati mereka terlibat dalam kegiatan militan dan cuba mempengaruhi sebilangan rakyat Malaysia untuk berfahaman militan. Daripada jumlah tersebut, seorang (1) adalah warganegara Malaysia, seorang (1) warganegara Jordan, dua (2) orang warganegara Yemen, empat (4) orang warganegara Syria dan dua (2) warganegara Nigeria.

*Tuan Yang Dipertua,*

Tindakan penahanan terhadap 10 individu tersebut di bawah AKDN 1960 adalah bagi membolehkan pihak berkuasa melakukan tindakan

pantas bagi menghalang sebarang bentuk ancaman yang boleh mengganggu- gugat keselamatan dan ketenteraman negara. Tindakan awal adalah sebagai pencegahan sebelum sesuatu tindakan atau perbuatan yang boleh mengancam keselamatan negara berlaku.





## **SOALAN 16**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**                      **LISA  
N**

**DARI PADA**                      **TUAN    MANIKAVASAGAM    A/L  
SUNDARAM (KAPAR)**

**TARIKH**                              **13 APRIL 2010**

**SOALAN**                              **Meminta                              MENTERI  
PELANCONGAN menyatakan:**

jenis-jenis latihan atau kursus dianjurkan oleh Kementerian dalam usaha mempertingkatkan tahap perkhidmatan pelancongan di Malaysia. Berikan pecahan perbelanjaan mengikut kaum yang menyertai program-program ini sejak tahun 2005 sehingga 2009.

### **3AWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kursus dan latihan yang dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan bermula pada tahun 2007 melalui Program '*Malaysia Welcomes the World*' dalam usaha mempertingkatkan tahap perkhidmatan pelancongan di Malaysia. Jenis-jenis latihan yang dijalankan adalah merangkumi seperti berikut:-

- i. Mesra Malaysia;
- ii. *Act Tourism*;
- iii. *Tourism English*;
- iv. Pemandu Kenderaan Pelancong seperti Teksi, Bas dan Bot Pelancong;
- v. Homestay;
- vi. Etika dan Komunikasi;
- vii. Pengurusan Krisis yang merangkumi *First Aid dan CPR*;
- viii. Pengurusan Hotel;
- ix. *Tourism Awareness*]
- x. *Train The Trainers*;
- xi. *Eco Host*,
- xii. Pembangunan Produk Pelancongan;
- xiii. Kursus Bahasa Asing;
- xiv. Kursus Kesedaran Kebersihan;
- xv. Pemasaran;

- xvi. Produk Halal; dan
- xvii. Perkhidmatan Produk Unggul

Kursus dan latihan di bawah program tersebut adalah khusus bagi kakitangan barisan hadapan di dalam industri pelancongan yang terdiri daripada:-

- i. pemandu teksi;
- ii. pemandu kenderaan pelancong yang lain seperti bas, van dan bot;
- iii. penggiat industri pelancongan negara;
- iv. agensi-agensi kerajaan terutamanya yang berhadapan dengan pelancong seperti polis pelancong, pegawai imigresen, pegawai kastam dan staf di MaTiC;
- v. pemandu pelancong bandar;
- vi. pemandu pelancong alam semula jadi;
- vii. pengusaha homestay; dan
- viii. staf hotel.

Melalui Program *'Malaysia Welcomes The World'* seramai 21,201 orang telah dilatih pada tahun 2007, 26,889 orang pada tahun 2008 dan 16,151 orang pada tahun 2009.  
Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan tidak mempunyai rekod perbelanjaan latihan mengikut

pecahan kaum. Pecahan perbelanjaan latihan di dalam sektor pelancongan dilaksanakan mengikut permintaan kemahiran atau *demand for talent*, dengan izin, di dalam industri pelancongan. Namun begitu, Kementerian telah membelanjakan sebanyak RM3.97 juta pada tahun 2007, RM2.17 juta pada tahun 2008 dan RM1.84 juta pada tahun 2009 bagi pelaksanaan kursus dan latihan bagi Program *'Malaysia Welcomes The World'*.

NO. SOALAN : 18

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN  
KEDUA BELAS (2010)**

PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	13 April 2010 [Selasa]
DARIPADA	Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [ Titiwangsa ]

SOALAN :

YB Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [ Titiwangsa ] minta PERDANA MENTERI menyatakan keuntungan atau kerugian anak- anak syarikat Lembaga Tabung Haji sejak 5 tahun yang lalu.

JAWAPAN : (YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji  
Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri)

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah lebih tepat untuk memahami secara menyeluruh dasar pelaburan Tabung Haji (*TH*) dalam anak-anak syarikatnya. Semua pelaburan yang diceburi oleh *TH* adalah selaras dengan strategi dan dasar pelaburan *TH* iaitu pelaburan yang halal, berdaya saing, dengan risiko terkawal dan berpotensi memberi pulangan yang kompetitif. Disamping itu, sektor yang diberi penumpuan ialah perladangan, pembinaan, pembangunan hartanah dan perkhidmatan. Pada tahun 2008, *TH* telah mula bergiat secara aktif dalam sektor pemakanan dan seterusnya melebarkan aktiviti dalam sektor perbankan Islam serta teknologi maklumat pada tahun 2009.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di dalam aktiviti perniagaan, untung dan rugi adalah risiko yang akan ditempuhi oleh setiap pelabur atau peniaga. Namun, portfolio anak syarikat *TH* secara keseluruhan telah mencatatkan keuntungan untuk 5 tahun yang lalu (2004 hingga 2008). Bagi tahun kewangan beraudit 2008, jumlah keseluruhan keuntungan yang telah dicatatkan dalam portfolio pelaburan anak syarikat adalah RM194.5 juta.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	BAGI JAWAPAN LISAN
DARI PADA	TUAN TENG BOON SOON [ TEBRAU ]
TARIKH	13 APRIL 2010 (SELASA)
SOALAN:	

Tuan Teng Boon Soon [ Tebrau ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam yang ketara kekurangannya hampir setiap bandar dan bandar raya. Mengapa Kerajaan masih keberatan untuk menyediakan perkhidmatan MRT antara Johor Bahru dan Singapura.

JAWAPAN :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) sedang disediakan dan dokumen ini akan dibentangkan di Parlimen pada tahun ini. Kerajaan sedar bahawa penyediaan kemudahan pengangkutan awam yang efisien dan selamat adalah salah satu cabaran utama kepada agensi perancang dan pelaksana. Kerajaan sememangnya komited untuk menambahbaik mutu perkhidmatan pengangkutan awam dan ini terbukti apabila pengangkutan awam disenaraikan sebagai salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara.

Sehubungan itu, di bawah RMKe-10, kita akan memberi tumpuan kepada perancangan dan pembangunan pengangkutan awam yang holistik dan ini termasuk integrasi dengan guna tanah, penyepaduan antara pelbagai mod/sistem serta maklumbalas daripada pengguna dan pengusaha pengangkutan awam mengenai keperluan/kehendak mereka.

Untuk makluman ahli yang berhormat, Kerajaan sedang melaksanakan beberapa inisiatif bagi memperkasakan sistem pengangkutan awam di negara kita. Salah satu usaha jangka sederhana yang sedang dilaksanakan adalah penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang akan bertindak sebagai agensi tunggal dalam merancang, menyelia serta menguatkuasa pengangkutan awam darat. Pengwujudan SPAD akan mengurangkan pertindihan bidang kuasa antara sekurang-kurangnya 13 agensi yang terlibat dalam pengurusan pengangkutan awam darat pada masa ini. Suruhanjaya ini dijangka akan mula beroperasi pada pertengahan tahun ini apabila akta-akta yang berkaitan diluluskan di Parlimen.

Di samping itu, Kerajaan juga sedang menjalankan Kajian Pelan Induk Pengangkutan Awam bagi Bandar-Bandar Utama yang merangkumi 11 bandar utama di seluruh negara termasuk Johor Bahru. Apabila siap kelak, kajian ini boleh dijadikan rujukan dalam perancangan dan pembangunan pengangkutan awam di negara ini di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum juga, pembangunan infrastruktur pengangkutan berasaskan rel termasuk MRT memerlukan jumlah pelaburan yang tinggi. Sehubungan itu, sebelum sebarang keputusan mengenainya diambil, satu kajian yang mendalam dan teliti perlu dibuat bagi mengelakkan Kerajaan terpaksa menanggung

beban kewangan yang tinggi di masa hadapan.





SOALAN(20)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	13 APRIL 2010 (SELASA)
DARI PADA	Y.B. TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN)

**SOALAN**

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan jumlah CCTV yang akan dipasang di Malaysia dengan memberikan pecahan kos, negeri, bilakah ia mula dan siap dan kontraktor yang diberikan. Adakah tender terbuka dijalankan dan sebabnya ia tidak dilaksanakan sungguhpun telah dijanjikan 3 tahun lepas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam Fasa 1 akan memasang sebanyak 496 bilangan CCTV di 25 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Semenanjung Malaysia. Kontrak telah pun ditawarkan kepada Syarikat GTC Global Sdn. Bhd. melalui tender terbuka dan kerja telah pun bermula pada 15.2.2010 dan kerja pemasangan dijangka siap pada 15.7.2010. Pemasangan CCTV adalah dibuat secara sewaan selama 5 tahun bermula 2010 hingga 2015.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan  
Tempatan

April 2010

KK/BP91.10)294/6-73 SJ.B / (119)

PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

OARIPADA DATO'SERI HAJI AZMI BIN KHALID  
(PADANG BESAR)  
PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 13.04.2010 *i>OkUUMO: %o»*

Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid (Padang Besar) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sama ada benar atau tidak pendapat sesetengah pihak bahawa ekonomi negara telah memperlihatkan ciri- ciri "***economic distortion***"

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa kini, Kerajaan sedar akan wujudnya keadaan yang dipanggil "***market distortion***" dalam ekonomi dan bukanlah "***economic distortion***". Ini adalah antara iainnya, disebabkan oleh pemberian subsidi yang memberi kesan kepada harga sebenar barangan dan perkhidmatan yang disediakan. Harga barangan dan perkhidmatan yang diberi subsidi tidak mencerminkan harga sebenar perkhidmatan dan barangan tersebut (***does not reflect the real price***). Pemberian subsidi yang besar teruiamanya kepada bahan bakar seperti petrol, diesel dan LPG terutamanya untuk kegunaan industri, telah

mengakibatkan perhutukan dan penggunaan sumber yang tidak efisien, sama ada oleh pihak pengeluar mahupun pengguna. Selain daripada subsidi, lamjakan pekerja asing tidak berkemahiran dalam negara juga telah menyebabkan kadar upah berada pada paras yang rendah (***depressed wages level***). Ini juga merupakan salah satu bentuk ***market distortion***.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat sedar tentang kewujudan **market distortion** akibat kesan pemberian subsidi yang besar serta kebanjiran tenaga kerja tidak terlatih asing kepada ekonomi negara. Untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan komited untuk menstruktur semula pemberian subsidi, Untuk tujuan itu, Kerajaan telah menubuhkan **Lab** atau makmal subsidi bagi merangka penyelesaian terbaik untuk memastikan pemberian subsidi yang cekap serta benar-benar memberi manfaat kepada golongan sasaran serta melindungi golongan mudah terjejas. Penstruktur pemberian subsidi ini adalah selaras dengan usaha untuk bergerak ke arah penentuan harga oleh pasaran (**market-based pricing**) yang akan membawa kepada peruntukan dan penggunaan sumber yang lebih efisien.

3. Mengenai lambakan pekerja asing tidak berkemahiran pula, Kerajaan telah mengumumkan Model Ekonomi Baru yang turut memberi penekanan kepada usaha meningkatkan kemahiran tenaga kerja tempatan. Langkah ini bukan sahaja akan dapat mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing malahan bergerak ke dalam rantai nilai yang lebih tinggi dan mewujudkan sekumpulan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang seterusnya akan membolehkan mereka menerima kadar upah dan gaji yang lebih tinggi, bersesuaian dengan kemahiran yang dimiliki serta produktiviti yang terhasil.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Selain daripada itu, bagi mengurangkan berlakunya masalah **market distortion**, Kerajaan telah mengambil pendekatan untuk mengguna pakai kaedah **competitive bidding** dalam perolehan Kerajaan.

Ini akan memastikan Kerajaan memperoleh nilai terbaik (*value for money*) bagi setiap pemerolehan yang dibuat.

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Persaingan turut akan diperkenalkan sebagai salah satu usaha mengurangkan *market distortion*. Akta ini adalah bertujuan untuk menggalakkan dan melindungi proses persaingan yang menggalakkan kecekapan, inovasi dan keusahawanan, paras harga yang berdaya saing, pembaikan dalam kualiti produk dan perkhidmatan serta memberikan pilihan yang lebih luas dan melindungi kepentingan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Dengan pelaksanaan langkah-langkah ini, adalah diharapkan agar masalah "*market distortion*" dapat dikurangkan supaya ekonomi negara dapat bergerak dengan lebih efektif dan efisien serta menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARI PADA YB TUAN CHARLES ANTHONY A/L  
R. SANTIAGO [Klang]  
TARIKH 13 APRIL 2010 (SELASA)

SOALAN :

YB TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO minta Perdana Menteri menyatakan faktor-faktor yang menyebabkan sebanyak 300,000 warganegara Malaysia berpindah ke negara- negara

lain pada tahun 2007-2009. Apakah langkah Kerajaan untuk menghadkan tren ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan maklumat terkini daripada Kementerian Luar Negara, seramai 304,358 individu telah meninggalkan Malaysia yang berdaftar dengan pejabat perwakilan Malaysia di luar negara antara Jun 2008 hingga Disember 2009. Daripada jumlah ini, 50,000 adalah pelajar Malaysia di luar negara. Selain dari itu, dianggarkan terdapat hampir 20,000 penyelidik, saintis dan jurutera dari Malaysia menetap dan berkhidmat di luar negara. Penghijrahan mereka tidak boleh dianggap satu kerugian mutlak kepada negara. Sebaliknya, mereka ini akan menjadi diaspora rakyat Malaysia yang berkemahiran tinggi yang boleh dimanfaatkan untuk pembangunan negara. Punca utama yang mendorong rakyat Malaysia berhijrah adalah untuk mendapat peluang pekerjaan dan pendapatan yang lebih baik.

Tuan Yang Di Pertua,

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi menangani masalah 'brain drain' adalah seperti berikut: -

- i. mewujudkan dan menambah peluang-peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dengan gaji yang kompetitif serta persekitaran kerja yang kondusif. Pewujudan peluang pekerjaan seumpama ini dapat diperhebat melalui pelaksanaan New Economic Model;
- ii. mewujudkan satu hubungan atau jaringan kerja (networking) yang efektif untuk memanfaatkan diaspora rakyat Malaysia;

**Soalan No : 23**

- iii. meningkatkan kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan di kalangan jaringan diaspora dan komuniti pegawai dagang (*expatriate*) sedia ada; dan
- iv. merancang untuk menubuhkan *Malaysia Brain Gain One Stop Centre* (MyGain) bagi memperkukuh pelaksanaan program *brain gain*.

Kesimpulannya, pendekatan yang digunakan oleh Malaysia pada masa kini tidak lagi melihat migrasi golongan berkepakaran ini ke negara-negara yang lebih maju sebagai hanya membawa kesan negatif. Apatah lagi kerana fenomena ini turut dialami oleh negara-negara maju. Sebaliknya, usaha akan dipergiat untuk mengoptimumkan jaringan diaspora golongan berkepakaran tersebut dalam usaha pembangunan negara.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARI PADA</b>	<b>Y.B. DATUK SIRINGAN BIN GUBAT (RANAU)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>13.04.2010</b>

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK SIRINGAN BIN GUBAT [ RANAU ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan bila projek pembinaan sebuah sekolah teknik pertanian Ranau yang telah dirancang dapat dilaksanakan, kerana tapaknya sudah lama tersedia seluas 40 ekar sejak tahun 1997.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Walaupun Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengenalpasti tapak pembangunan sekolah seluas 40 ekar, tetapi oleh kerana tiada keperluan mendesak buat masa ini serta kekangan semasa kewangan Kerajaan, KPM belum bercadang untuk membina Sekolah Menengah Teknik Ranau, Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi murid-murid yang berminat untuk meneruskan pengajian dalam bidang teknik dan vokasional, mereka boleh memilih sekolah-sekolah teknik dan vokasional yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka. Terdapat 8 buah sekolah Teknik dan Vokasional di negeri Sabah seperti SMT Likas, SMT Tawau, SMT Sandakan, SMT Kudat, SMT Keningau, SMT Lahad Datu, SMT WP Labuan dan SMV Beaufort.





**Soalan No : 23**

NO.AUM : 30

NO. AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
LISAN

PERTANYAAN

DR. HIEW KING CHEU [ KOTA KINABALU ]

DARIPADA

13 APRIL 2010

TARIKH

2471

RUJUKAN

**SOALAN:**  
Dr. Hiew King Cheu [ Kota Kinabalu ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapa Kerajaan membenarkan 96,000 pelarian-pelarian Filipina yang tinggal di Sabah diberi MyKad dan kewarganegaraan, manakala mereka adalah pemegang IMMI3.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Kinabalu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan mengeluarkan Kad Pengenalan (MyKad) kepada warganegara yang layak mengikut Akta Pendaftaran Negara 1959 (Akta 78) dan Perlembagaan Persekutuan. Manakala IMM.13 ialah Pas Jangka Panjang yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia bagi membenarkan orang asing masuk dan tinggal menetap di Malaysia bagi tempoh satu tahun. Kementerian Dalam Negeri memberi kebenaran kepada pelarian- pelarian Filipina ini untuk duduk dan tinggal menetap di bawah IMM.13 atas sebab-sebab perikemanusiaan.

*HD:*

**FONT: VERDANA (18)**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA YB DATUK SERI  
PANGLIMA JOSEPH  
PAIRIN KITINGAN

(KENINGAU)

TARIKH  
SOALAN

13.04.2010

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan bilakah agaknya jalan raya luar bandar dari Kg Pahu ke Kg Sintuong-Tuong dan dari jalan besar KK/Keningau masuk ke Kg Rompon di Daerah Tambunan Kawasan Keningau akan diaspalkan.



**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini telah menyenaraikan projek jalan Kg. Pahu ke Kg. Sintuong-Tuong dan dari jalan besar KK/Keningau masuk ke Kg. Rompon Tambunan di bawah NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar. Projek jalan Kg. Pahu ke Kg. Sintuong-Tuong, Tambunan Sabah melibatkan pembinaan jalan sepanjang 11.7 km dengan anggaran kos berjumlah RM 30.45 juta. Manakala projek jalan Rompon, Tambunan Sabah melibatkan pembinaan jalan sepanjang 12 km dengan anggaran kos berjumlah RM 25.00 juta.

Kedua-dua projek ini dijadualkan akan dilaksanakan pada tahun 2011 dan dijangka siap menjelang 2012. Pada masa ini, proses pelantikan perunding bagi menjalankan kerja-kerja awalan telah dibuat dan dijangka selesai pada Julai 2010.



**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARI PADA**

**YB TUAN HAJI AB  
AZIZ BIN AB KADIR  
(KETEREH)**

**TARIKH**

**13 APRIL 2010**

**SOALAN**

2\$

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan bilangan jumlah dan senarai projek di bawah Kementerian yang dikenal pasti bermasalah. Nyatakan jumlah taksiran kerugian yang terpaksa ditanggung dan usaha pemulihan yang telah dijalankan.



**JAWAPAN; Tuan  
Yang Dipertua,**

Saya ingin memohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan no. 22 daripada ahli YB Ketereh yang memerlukan jawapan lisan pada 13 April 2010 yang memfnta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan jumlah dan senarai projek bermasalah dan taksiran kerugian yang terpaksa ditanggung serta usaha pemulihan yang telah dijalankan.

**Tuan Yang Dipertua,**

- a) Di bawah RMKe-9 Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW), telah mengenalpasti sebanyak 127 projek luar bandar yang lewat disiapkan melibatkan 127 lokasi di seluruh negara dan meliputi kos projek sebanyak RM3.74 bilion.
- b) Kelewatan berlaku adalah disebabkan beberapa perkara yang berikut iaitu:

- i. Pengurusan kewangan atau aliran tunai kontraktor yang lemah di mana modal pusingan tidak mencukupi untuk melaksanakan sesuatu projek;
- ii. Kontraktor tidak mendapat bekalan bahan binaan yang mencukupi pada masa yang dirancang seperti kekurangan bekalan besi;
- iii. Peningkatan harga bahan binaan seperti harga besi yang mengganggu aliran tunai syarikat yang sebelumnya tidak dijangka/diambil kira, Terdapat juga kontraktor yang masih bermasalah walaupun telah diberikan tambahan kepada perubahan harga kontrak (VOP);
- iv. Juru perunding gagal mengenal pasti struktur tanah yang sebenarnya semasa ujian tanah dilaksanakan. Ini akan melewatkan pelaksanaan projek kerana melibatkan penyesuaian reka bentuk, cerucuk dan kedudukan bangunan;
- v. Perubahan tapak projek serta kesulitan mendapatkan tapak yang sesuai serta terdapatnya bantahan penduduk ke atas tapak projek;

- vi, Tapak projek yang telah ditetapkan tidak sesuai iaitu seperti tapak di lembah yang berair yang melewati penyediaan tanah;
  - viL Terdapatnya perubahan reka bentuk untuk memenuhi syarat-syarat jabatan teknikal seperti keperluan utiliti oleh Tenaga Nasional Berhad, Teikom Malaysia Berhad, Jabatan Bomba, pihak bekalan air negeri dan Jabatan Pengairan dan Saliran setelah projek dimulakan;
  - viii. Terdapatnya perubahan reka bentuk bagi menyesuaikan perubahan keperluan/tujuan pembinaan semasa projek sedang dilaksanakan; dan
  - ix. Perubahan cuaca di luar jangkaan seperti hujan lebat berlarutan yang mengakibatkan kerja-kerja tidak boleh dijalankan mengikut jadual.
- c) Bagi menangani masalah-masalah pelaksanaan projek berkenaan, KKLW telah

dapat menyelesaikannya melalui pemantauan secara berkala melalui mesyuarat tapak yang diadakan setiap minggu. Projek-projek yang masih lewat pelaksanaannya akan dibawa ke Jawatankuasa Projek Sakit untuk tindakan penamatan kontrak kontraktor berkaitan dan seterusnya melantik kontraktor penyelamat untuk menyiapkan projek berkenaan.

d) Berhubung dengan jumlah taksiran kerugian yang terpaksa ditanggung sekiranya projek-projek yang sakit atau bermasalah ditender semula, kerajaan terpaksa menanggung kos tambahan di antara 30% hingga 50% daripada kos asal projek.

e) Kementerian juga mempunyai empat (4) projek yang dilaksanakan di bawah PFI dalam tempoh RMKe-9 yang melibatkan peruntukan berjumlah RM196.80 juta.

Antara projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

- i, Bangunan INFRA (RM35.00 juta)
- ii. Kompleks Pentadbiran JHEOA, Sg. Siput (RM12.00 juta)

- iii, Asrama Semai Bakti Negeri Pahang, Rompin  
(RM8.00 juta)
- iv. Pembinaan Kampus Cawangan Universiti Kuala Lumpur Di Pasir Gudang, Johor (RM141.80 juta)



NO. SOALAN : 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Tuan Chua Tee Yong [ Labis ] 13 APRIL 2010

TARIKH

SOALAN

Tuan Chua Tee Yong [ Labis

] minta PERDANA

MENTERI menyatakan bilangan pengambilan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) mengikut kaum dari tahun 2000-2008. Apakah langkah-langkah konkrit yang telah diambil untuk membetulkan ketidakseimbangan pengambilan PTD dari segi kaum ini.

JAWAPAN: (YB Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) tidak menggunakan faktor kaum sebagai asas tapisan untuk calon dipanggil temu duga. Calon-calon yang dipanggil ditemu duga terdiri daripada mereka yang telah melepasi proses penyenaian pendek berdasarkan keputusan peperiksaan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, Diploma dan Ijazah. Bagi peringkat diploma dan ijazah, asas tapisan yang digunakan ialah Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) dan bidang pengajian yang bersesuaian dengan jawatan dan keperluan Kementerian atau Jabatan. Penyenaian pendek ini dilaksanakan bagi mendapatkan bilangan calon yang sesuai untuk dipanggil temu duga berdasarkan kekosongan sesuatu jawatan yang dilaporkan oleh Kementerian dan Jabatan kepada SPA.

Statistik bagi pengambilan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) mengikut kaum termasuk bumiputera Sabah dan Sarawak serta lain-lain yang dijalankan oleh SPA bagi tahun 2000-2008 adalah seperti di jadual bawah:

Tahun	Permohonan Melayu (Lantikan)	Permohonan Cina (Lantikan)	Permohonan India (Lantikan)	Permohonan **B.Sabah (Lantikan)	Permohonan **B.Sarawak (Lantikan)	Permohonan Lain-lain (Lantikan)	Jumlah Permohonan (Lantikan)
2000	439 (159)	8(3)	16(4)	2(2)	11 (3)	2(2)	478 (171)
2001	8211 (243)	256 (4)	245 (13)	236 (2)	196 (2)	87 (1)	9231 (266)
2002	22715 (539)	611 (22)	627 (48)	652 (6)	567(16)	212(6)	25384 (637)





2003	7532 (181)	202 (9)	234 (17)	197 (6)	173 (5)	67 (1)	8405 (222)
2004	40569 (515)	1337(43)	1560 (55)	1124 (11)	1045 (14)	389 (6)	46024 (644)
2005	37984 (627)	1152 (41)	1540(75)	1161 (11)	984 (16)	347 (3)	43168(773 )
2006	41117 (709)	1065 (18)	1597(42)	1656 (29)	1224 (20)	386 (7)	46715 (825)
2007	39941 (682)	941 (23)	1602 (40)	1855 (24)	1185 (31)	415(7)	45418 (807)
2008	60310 (710)	1516(18)	2382 (45)	2018(8)	1783 (26)	650 (8)	68659 (815)

\* Bumiputera (Sabah) terdiri daripada Kadazan Dusun, Bajau, Bisaya, Murut

\* Bumiputera (Sarawak) merangkumi Bidayuh, Iban, Melanau, Orang Ulu

\*

Berdasarkan statistik tersebut, didapati bahawa terdapat peningkatan dari segi permohonan ke jawatan PTD bagi semua kaum daripada tahun 2000 hingga ke tahun 2008. Manakala peningkatan yang signifikan ditunjukkan melalui permohonan daripada kaum-kaum bukan Melayu yang sentiasa meningkat dari tahun ke tahun. Ini menunjukkan bahawa masyarakat bukan Melayu semakin ramai yang berminat untuk menjawat jawatan PTD.

Pada tahun 2002 hingga 2008, peratusan lantikan bagi kaum bukan Melayu adalah lebih tinggi daripada purata pelantikan bagi keseluruhan jawatan dalam setiap tahun. Hal ini menunjukkan bahawa kaum bukan Melayu berpeluang cerah untuk dilantik ke jawatan PTD berbanding kaum Melayu yang mempunyai permohonan yang sangat tinggi. Secara perbandingan, kaum bukan Melayu kebanyakannya dilantik melebihi purata peratusan lantikan secara keseluruhan.

Selain itu, dalam melaksanakan urusan pengambilan, SPA sentiasa berusaha untuk menggalakkan penyertaan kaum bukan Melayu untuk menyertai perkhidmatan awam selaras dengan hasrat Kerajaan. Sehubungan dengan itu, SPA telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja Bagi Mengatasi Masalah Kekurangan Representasi Bukan Melayu pada 17 April 2007. Jawatankuasa tersebut bertujuan bagi mencari langkah-langkah untuk menggalakkan penyertaan bukan Bumiputera dalam perkhidmatan awam. Jawatankuasa ini telah diperkukuhkan dengan penyertaan Timbalan Pengerusi SPA, beberapa Ahli Suruhanjaya SPA bukan Melayu dan beberapa pegawai kanan SPA bukan Melayu.

Fungsi jawatankuasa ini adalah untuk merancang dan memantau pelaksanaan program dan aktiviti untuk mengatasi masalah kekurangan representasi bukan Melayu.

Di samping itu, SPA dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi (UPE) sedang menjalankan kajian 'Persepsi Kerjaya Dalam Perkhidmatan Awam Di Kalangan Masyarakat Bukan Melayu'. Kajian komprehensif ini akan dijalankan oleh perunding profesional yang akan ditentukan oleh Jawatankuasa yang dibentuk oleh SPA dan UPE. Hasil kajian tersebut diharap dapat memberi jawapan kepada punca berlakunya senario kurang penyertaan bukan Melayu dalam sektor awam dan dapat mengesyorkan cadangan dan strategi yang boleh diketengahkan untuk menggalakkan lebih ramai penyertaan bukan Melayu dalam sektor awam dan seterusnya menjadikan sektor awam pilihan utama serta lebih kompetitif berbanding sektor swasta.

Selain itu, SPA juga telah melaksanakan langkah-langkah yang akan dibuat secara berterusan bagi menggalakkan permohonan bukan Melayu seperti berikut:

- (1) Menyiarkan iklan dalam akhbar-akhbar The Star (bahasa Inggeris), Sin Chew Daily (bahasa Mandarin), Tamil Nesan (bahasa Tamil), Borneo Post (Sarawak) dan Daily Express (Sabah);
- (2) Menyediakan soalan lazim (FAQ) dalam bahasa Mandarin dan bahasa Tamil dalam portal SPA ([www.spa.gov.my](http://www.spa.gov.my));
- (3) Promosi kerjaya di tempat-tempat awam dan strategik seperti di Pusat membeli-belah Mid Valley, Kuala Lumpur dan Plaza Angsana, Johor Baru;
- (4) Mengadakan taklimat kerjaya untuk guru-guru kerjaya di Sekolah Jenis Kebangsaan Selangor dan Wilayah Persekutuan;
- (5) Menyiarkan "crawlers" mengenai urusan pengambilan jawatan di media elektronik seperti di televisyen semasa Berita Mandarin dan Berita Tamil serta radio Minnal Fm dan Ai Fm (RTM);
- (6) Pameran kerjaya di Universiti Tunku Abdul Rahman;
- (7) Mengeluarkan risalah kepada Ketua Masyarakat; dan
- (8) Mengadakan Hari Bersama Pelanggan di SMJK Chung Hwa, Gombak dan SMJK Yu Hua Kajang.

SOALAN NO: 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	DATO* SERI MOHAMMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN [ BUKIT GANTANG ]
TARIKH	13 APRIL 2010 (SELASA)

SOALAN

Dato\* Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [ Bukit Gantang ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian apabila stesen TV swasta yang menyiarkan berita berupa fitnah dan tohmahan kepada tokoh-tokoh dan individu tertentu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini pihak SKMM tidak menerima aduan dari mana-mana pihak mengenai wujudnya stesen TV swasta yang menyiarkan berita berupa fitnah dan tohmahan kepada tokoh-tokoh dan individu tertentu. Sekiranya terdapat sebarang aduan pihak SKMM boleh menjalankan siasatan dan mengambil tindakan sekiranya ia melanggar mana-mana syarat lesen. Pihak yang terlibat boleh mengambil tindakan berasingan di bawah Akta Fitnah 1957 sekiranya mendapati kandungan yang

disiarkan oleh stesen televisyen swasta berbaur fitnah terhadapnya.

NO. AUM : 6

NO. AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
LISAN

PERTANYAAN

DATO' SERI TIONG KING SING [ BINTULU ]

DARIPADA

13 APRIL 2010

TARIKH

2469

RUJUKAN

~~SOALAN~~  
Dato Seri Tiong King Sing [ Bintulu ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

(a) berapakah jumlah warga asing yang melarikan diri dari majikan mereka dan didapati terlibat dalam kegiatan yang menyalahi undang-undang serta kategori kesalahan mereka; dan

(b) berapakah jumlah warganegara asing yang memasuki Malaysia tanpa melalui cara yang sah dan dihantar balik atau mereka yang menyembunyikan diri selepas tempoh sah menduduki Malaysia luput.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Bintulu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia telah merekodkan sejumlah 13,640 pekerja asing yang melarikan diri dari majikan. Apabila majikan melaporkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia berhubung pekerja asing mereka yang melarikan diri, Jabatan akan bertindak membatalkan atau menamatkan Pas pekerja asing berkenaan. Memandangkan pekerja asing berkenaan kini berada di Malaysia selepas tamat tempoh Pas, beliau telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 15(4) Akta Imigresen 1959/63.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, warganegara asing yang masuk ke Malaysia tanpa memiliki Pas atau Permit yang sah adalah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 6(3) Akta Imigresen 1959/63. Manakala warganegara asing yang berada di Malaysia selepas tamat tempoh Pas yang dikeluarkan adalah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 15(4) Akta Imigresen 1959/63. Kementerian tidak memiliki jumlah sebenar warganegara asing yang masuk ke Malaysia tanpa melalui cara yang sah, mahupun yang menyembunyikan diri selepas tamat tempoh sah berada di Malaysia, memandangkan mereka tidak akan mendaftar dengan Jabatan dan juga tidak akan memaklumkan niat mereka untuk menyembunyikan diri kepada Jabatan. Walau bagaimanapun, bilangan mereka ini boleh dilihat menerusi operasi penguatkuasaan yang telah dilaksanakan. Sepanjang tahun 2009 sebanyak 7,099 operasi telah dilaksanakan oleh

Jabatan, dan hasilnya sejumlah 47,310 tangkapan telah dibuat atas pelbagai kesalahan. Dari jumlah ini, didapati sebanyak 26,545 tangkapan telah dibuat atas kesalahan masuk ke Malaysia tanpa memiliki Pas atau Permit yang sah manakala 8,655 tangkapan pula kerana berada di Malaysia selepas tamat tempoh Pas yang dikeluarkan. Bagi tahun 2009 pengusiran yang telah dilakukan oleh Jabatan Imigresen Malaysia adalah berjumlah 45,925 yang merangkumi pengusiran atas pelbagai kesalahan, termasuklah dibawah Seksyen 6(3) dan Seksyen 15(4) Akta Imigresen 1959/63.





NO: 30

PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

DARI PADA TUAN LIM UP ENG (SEGAMBUT)

LISAN

PERTANYAAN

TARIKH

**13.04.2010 SwViAK) NO ; 10**

Tuan Lim Lip Eng (Segambut) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sejak pelaksanaan sistem berkomputer di Bursa Malaysia pada 1 Disember 2008 dengan kos sebanyak RM100 juta, berapa kalikah sistem komputer tersebut telah tergendala setakat Februari 2010 dan berapa banyakkah kerugian yang telah ditanggung oleh pasaran saham akibat daripada masalah tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Bursa Malaysia telah melaksanakan platform dagangan baru ekuiti (Bursa Trade) pada 1 Disember 2008. Bursa Trade merupakan satu sistem teknologi yang canggih dan kompleks untuk memperkembangkan lagi perkhidmatan dagangan yang sedia ada. Memandangkan ia sistem baru, ianya memerlukan tempoh stabilisasi selama enam bulan selepas sistem dagangan baru ini dilaksanakan.

Bermula pada 1 Disember 2008, Bursa Trade telah tergendala sebanyak tiga kali selepas dilaksanakan iaitu dua kali dalam bulan Disember 2008 dan sekali dalam bulan Februari 2009. Gangguan ini telah menyebabkan dagangan di pasaran terpaksa dihentikan seama 11 hingga 45 minit

2. Gangguan yang pertama berlaku pada 22 Disember 2008, di mana sistem telah menolak pesanan (**order**) yang dimasukkan oleh broker semasa fasa pra-pembukaan sesi dagangan petang. Tempoh gangguan tersebut adalah seama 35 minit. Gangguan yang sama berlaku sekali lagi pada 24 Disember 2008. Tempoh gangguan tersebut adalah seama 45 minit. Langkah pembaikan untuk mengatasi gangguan tersebut telah diambil susulan daripada gangguan pada 22 Disember 2008 iaitu pertukaran kepada modul aplikasi teiah dijalankan dan pelaksanaannya hanya dilakukan pada hujung minggu tersebut.

3. Gangguan yang ketiga pula berlaku pada 16 Februari 2009, di mana terdapat masalah dengan sistem penyebaran maklumat ekoran daripada gangguan penyaluran maklumat dari **Financial Times Stock Exchange** (FTSE). Tempoh gangguan tersebut adalah seama 11 minit. Walaupun secara keseluruhan sistem dagangan pada hari tersebut tidak terjejas, namun Bursa Malaysia teiah mengambil tindakan untuk memberhentikan dagangan bagi mengekalkan pasaran yang adii dan teratur.

4. Untuk makluman YB, setakat ini tiada sebarang tuntutan dari mana-mana pihak seperti peserta pasaran dan *remisier* berikutan daripada gangguan dagangan tersebut Perlu dimaklumkan juga bahawa peserta pasaran masih mempunyai masa untuk terus menjaiankan aktiviti jual-beli selepas gangguan sementara tersebut

NO. AUM : 8

NO. AUP :<sup>Av</sup>

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA DATUK MD.SIRAT BIN ABU [ BUKIT KATIL ]  
TARIKH 13 APRIL 2010  
RUJUKAN 2470

SOALAN:

Datuk Md.Sirat bin Abu [ Bukit Katil ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan tegas yang telah dan akan di ambil dalam memantau pusat ibadah seperti masjid, surau dan gereja dari terus dicerobohi oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Bagaimanakah pula kawalan terhadap media elektronik dan blog yang banyak menghebahkan cerita dengan unsur tokok tambah yang boleh mengakibatkan sentimen perkauman yang tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Katil yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia, Kementerian memandang serius perbuatan menghina dan mengkhianati sesuatu agama yang mana perbuatan tersebut boleh menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam. Di antara tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mencegah kejadian ini ialah

- i) Semua laporan polis yang dibuat disiasat dengan terperinci.
- ii) Suspek-suspek yang terlibat telah pun didakwa dan sedang dibicarakan di mahkamah.
- iii) Semua Pejabat Polis Daerah dan balai di seluruh negara diarah membuat pemantauan yang rapi ke atas surau dan gereja dengan cara mengerapkan rondaan; dan
- iv) Menempatkan anggota-anggota di kawasan-kawasan yang strategik untuk dikhianat oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam memerangi penyalahgunaan media elektronik dan blog bagi

tujuan penghebahan fitnah yang bersifat perkauman, Kerajaan melalui Cyber Security Malaysia di bawah Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) akan memantau aktiviti-aktiviti ini dari masa ke semasa dan tindakan tegas akan diambil ke atas mana- mana pihak yang terlibat di bawah peruntukan undang-undang sedia ada.

SOALAN ( 32 )

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	13 APRIL 2010 (SELASA)
DARIPADA	Y.B. DATO' SERI HAJI ABD. HADI BIN AWANG (MARANG)

**SOALAN**

**Y.B. DATO' SERI HAJI ABD. HADI BIN AWANG (MARANG)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status pembangunan lereng bukit di Hulu Kelang dan apakah langkah-langkah pengawalannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status pembangunan lereng bukit di Hulu Klang ialah semua pembangunan di bawah Kelas I dan II dan kurang daripada 25 darjah dibenarkan pembangunan dengan syarat mematuhi semua syarat-syarat teknikal yang ditetapkan dari agensi-agensi teknikal berkaitan. Bagi kawasan pembangunan kategori kelas III dan melebihi 25 darjah, sebarang pembangunan tidak dibenarkan.

Bagi langkah pengawalan pula, kerja pemantauan terhadap tanah tersebut dilaksanakan oleh Jabatan Kejuruteraan MPAJ dengan kerjasama IKRAM bagi memantau penstabilan cerun. Selain itu, beberapa agensi teknikal lain seperti pihak Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan

Pengurusan Saliran Selangor juga sama-sama memantau dari aspek geologi dan tanah, alam persekitaran serta saliran.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2010

#### PEMBERITAJUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE (TENGGARA)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>13 APRIL 2010 (SELASA)</b>
<b>SOALAN</b>	<b>Datuk Halimah binti Mohd Sadique (Tenggara)</b> minta <b>PERDANA MENTERI</b> menyatakan sejauh manakah MyID dapat meningkatkan prestasi sistem penyampaian perkhidmatan dan memudahkan urusan orang awam dengan agensi Kerajaan.

**JAWAPAN: (oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)**

MyID adalah satu inisiatif Kerajaan yang menggunakan nombor Kad Pengenalan sebagai nombor rujukan tunggal untuk warganegara Malaysia berurusan sebagai individu dengan agensi Kerajaan. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada agenda transformasi Kerajaan bagi memenuhi aspirasi '1 Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

Pelaksanaan inisiatif MyID memudahkan warganegara di mana mereka tidak perlu lagi mengingat pelbagai nombor rujukan seperti nombor ahli KWSP, nombor fail cukai



pendapatan individu, nombor fail pinjaman PTPTN dan sebagainya, ketika berurusan dengan agensi Kerajaan. Hanya satu (1) nombor digunakan bagi individu iaitu nombor Kad Pengenalan yang dimiliki oleh warganegara untuk berurusan dengan perkhidmatan Kerajaan yang melaksanakan inisiatif MyID. Jelas bahawa inisiatif ini menjadikan urusan dengan agensi Kerajaan menjadi lebih mudah dan cepat.

Sehingga kini, pelaksanaan inisiatif MyID telah menampakkan pencapaian yang signifikan, di mana sehingga 5 Mac 2010, sejumlah 978 perkhidmatan yang disediakan oleh agensi Sektor Awam di peringkat Persekutuan dan negeri sudah melaksanakan inisiatif MyID. Kerajaan sedang berusaha supaya inisiatif MyID dilaksanakan sepenuhnya bagi semua perkhidmatan berkaitan warganegara sebagai individu di agensi Sektor Awam.

Maklumat lanjut mengenai inisiatif MyID dan senarai perkhidmatan yang telah melaksanakan inisiatif ini boleh diperolehi melalui laman web berikut:

- [http://www.mampu.gov.my/mvid\\_info/index.htm](http://www.mampu.gov.my/mvid_info/index.htm);
- <http://www.mampu.gov.my>: dan
- <http://www.malaysia.gov.my>

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
YB DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
[ TELOK KEMANG ]

**SOALAN NO : 35**

TARIKH                      13 APRIL 2010  
SOALAN

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan

- (a) apakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan "one stop centre" di Pihak Berkuasa Kawalan Dadah bagi memudahkan pengusaha-pengusaha produk kesihatan tempatan untuk mendapat kelulusan dan pengiktirafan; dan
- (b) apakah Kerajaan sedar bahawa proses birokrasi dan masa terlalu menghindarkan kesediaan usaha-usaha mendapati kelulusan.



Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian telah pun menyediakan “one stop centre” iaitu Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) bagi memudahkan pengusaha-pengusaha produk kesihatan tempatan mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD). BPFK berperanan sebagai sekretariat kepada PBKD dan fungsinya merangkumi pendaftaran produk, pelesenan (pengilang, pengimpot, pemborong dsb), pengujian sampel, permonitoran produk di pasaran serta farmakovigilans (pemantauan kesan advers ubat).

Melalui fasiliti yang disediakan itu, Kementerian dapat melaksanakan pendaftaran produk kesihatan yang meliputi proses-proses seperti yang dinyatakan di atas tanpa perlu melibatkan mana-mana organisasi kerajaan yang lain (bagi tujuan pendaftaran/kelulusan produk).

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedar masa sangat penting kepada industri / pengusaha. Walau bagaimanapun, memandangkan produk-produk yang dipohon untuk didaftar berhubungkait dengan kesihatan dan keselamatan rakyat, pemprosesan pendaftaran perlu berpandukan kepada prosedur/garis panduan yang telah ditetapkan selain penilaian dalam aspek data saintifik, isu keselamatan, pengujian makmal/validasi data dan sebagainya. Kementerian sentiasa menjalankan kajian tentang cara-cara untuk mengurangkan masa yang diambil dalam memproses

pendaftaran produk tanpa menjejaskan aspek keselamatan, kualiti dan keberkesanan. Selain itu, sistem pendaftaran atas talian (on-line) yang diamalkan sedang dinaiktaraf sebagai usaha kementerian dalam menambahbaik sistem penyampaian kepada industri / pengusaha.

NO. SOALAN : 35 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB TENGGU RAZALEIGH HAMZAH

[ GUA MUSANG ]

TARIKH

13 APRIL 2010

SOALAN

Tengku Razaleigh Hamzah [ Gua Musang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh mana Suruhanjaya Pencegahan Rasuah, Suruhanjaya Polis dan Suruhanjaya Kehakiman benar-benar bebas, telus dan berintegriti dalam melaksanakan amanah rakyat tanpa adanya sebarang elemen penyalahgunaan kuasa.

**JAWAPAN:**        **DATO' SERI MOHAMED NAZR1 ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya-suruhanjaya berkenaan dianggotai mereka yang pakar dalam bidang lantikan mereka. Mereka terikat dengan dasar-dasar dan ketetapan yang telah ditentukan bagi sesuatu suruhanjaya. Pihak Kerajaan percaya suruhanjaya ini adalah benar-benar telus dalam melaksanakan tugas-tugas yang telah ditetapkan.

Sekian, Terima kasih.

**NO. SOALAN : 36**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB TUAN AZAN BIN ISMAIL

[INDERAMAHKOTA]

TARIKH

SOALAN

13 APRIL 2010

Tuan Azan bin Ismail [ Indera Mahkota ] minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimanakah langkah-langkah yang telah diambil terhadap penulisan buku oleh Barry Wain yang menyatakan pembaziran RM100 bilion semasa zaman pentadbiran Dr. Mahathir Mohamad serta sejauh manakah ianya mendatangkan keburukan kepada ekonomi negara.



**JAWAPAN:            DATO' SERI MOHAMED NAZR1 ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Buku tersebut ditulis berdasarkan kepada pandangan penulis semata-mata.

Sebagai rakyat Malaysia kita telah sama-sama menikmati kemajuan yang telah dicapai oleh Malaysia ketika pemerintahan Dr. Mahathir Mohamad. Harus diakui bahawa beliau telah mengangkat Malaysia ke satu tahap yang lebih baik dari sebelumnya. Sedar atau tidak rakyat Malaysia ketika ini sedang menikmati usaha yang telah dilaksanakan ketika pemerintahan beliau.

Sekian, Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN :        JAWAB LISAN

DARIPADA            DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.  
   MUTTALIB [ MARAN ]

TARIKH                13 APRIL 2010 (SELASA)

SOALAN

**SOALAN NO: 37**

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah kajian yang telah dibuat dalam menentukan peningkatan tahap kesedaran perpaduan rakyat negara ini sejak slogan 'Satu Malaysia' diperkenalkan dan sejauh mana inspirasi daripada slogan ini telah diterapkan kepada seluruh masyarakat serta bentuk aktiviti yang dilaksanakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

KPKK melalui Jabatan di bawahnya telah menjalankan satu siri kajian sepanjang Oktober dan November 2009 yang melibatkan 10,000 responden daripada pelbagai umur, bangsa dan agama di seluruh pelosok negara. Kajian ini bertujuan untuk mengukur sejauh mana kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap Gagasan 1 Malaysia yang telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri. Hasil kajian mendapati bahawa peratus tahap kefahaman keseluruhan terhadap Gagasan 1 Malaysia ialah 70%. Ini merupakan satu permulaan yang baik. Walau bagaimanapun, usaha-usaha berterusan akan dilaksanakan seperti Program Pemimpin Turun Padang, Program Semarak 1 Malaysia di peringkat kebangsaan, negeri, kementerian/agensi kerajaan dan swasta, ceramah wacana di IPTA/IPTS dan sekolah-sekolah, Program hati ke hati, pameran, layar bestari, pertandingan melukis, mewarna, pidato, nyanyian lagu patriotik, fotograf, debat dan filem pendek, serta pelbagai aktiviti publisiti dan promosi termasuk lagu, treler, pengiklanan luar/dalaman dan melalui bahan-bahan percetakan. Program/aktiviti yang dilaksanakan adalah secara menyeluruh dan melibatkan semua golongan iaitu:

- Pelajar Sekolah
- Pelajar IPTA/IPTS
- Ahli Komuniti Bestari
- Ahli Penggerak Bestari
- Golongan Belia/Beliawanis
- Pemimpin Masyarakat
- Penjawat Awam
- Pekerja Swasta

- Institusi Latihan Kerajaan  
(INTAN/INFRA/ILSAS/ILIM/INSPEN/IPPTAR)
- Pertubuhan/Persatuan/NGO
- Orang Awam
- Media

Bagi memastikan rakyat mempunyai pemahaman yang sama dan mengelakkan kecelaruan, Kementerian telah menyelaraskan semua maklumat bagi bahan-bahan bercetak, bahan-bahan kempen dan input serta aktiviti ceramah bagi memudahkan pemahaman rakyat.

Sebagai usaha untuk terus menilai tahap kefahaman rakyat terhadap Gagasan 1 Malaysia, KPKK dan jabatan-jabatan di bawahnya akan melaksanakan satu lagi siri kajian untuk mengukur tahap kefahaman Gagasan 1 Malaysia pada bulan Julai 2010.

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan telah menjalankan beberapa kajian untuk mengukur tahap kesedaran rakyat terhadap 1 Malaysia seperti berikut:

- Kajian Kesedaran dan Kefahaman Masyarakat Terhadap Konsep '1 Malaysia' yang dijalankan oleh Kementerian pada Oktober 2009 dengan sampel kajian seramai 12,212 orang responden. Hasil kajian menunjukkan 81.9% tahu dan sedar mengenai konsep 1 Malaysia. Tahap pemahaman rakyat terhadap 1 Malaysia adalah pada tahap sederhana (69%). Hasil kajian juga menunjukkan bahawa 77.8% (7,783 orang) menyatakan 1 Malaysia dapat menyatupadukan rakyat di negara ini berbanding dengan 4.1% (410

orang) yang menyatakan sebaliknya;

- Kajian Awal 1 Malaysia yang dijalankan oleh Jabatan Penerangan pada 24 April hingga 5 Mei 2009 untuk mendapatkan reaksi dan maklum balas awam mengenai konsep 1 Malaysia mendapati 80% daripada responden bersetuju dengan gagasan tersebut; dan
- Kajian Reaksi Awam Mengenai 1 Malaysia yang dijalankan oleh Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) pada 21 hingga 26 April 2009 terhadap 4,905 responden menunjukkan 59.6% mengatakan konsep 1 Malaysia mudah difahami.

Selain itu, Kementerian ini juga pernah menjalankan 'Kajian Impak Mengenai Tahap Kesedaran dan Kefahaman Rakyat Terhadap Dasar-dasar Kerajaan' pada April 2009 dan didapati bahawa antara 18.2% daripada 2500 responden yang tahu dasar-dasar Kerajaan dan 1 Malaysia merupakan salah satu dasar yang paling diketahui oleh responden.

Pihak lain yang turut menjalankan kajian yang berkaitan dengan 1 Malaysia adalah seperti Pusat Sains Sosial (SSRS) bersama *Youthsay* pada April 2009 menerusi Internet. Hasil kajian mendapati bahawa 61% daripada 4,837 rakyat yang berumur 15 hingga 40 tahun menyokong gagasan 1 Malaysia.

Kementerian ini akan menerajui program penjelasan mengenai gagasan 1 Malaysia secara bersepadu kepada rakyat. Program ini akan menjelajah ke seluruh negara dengan melibatkan kepimpinan tertinggi peringkat negeri dan daerah. Walau bagaimanapun, proses memberi

kefahaman dan kesedaran kepada rakyat mengenai gagasan ini bukanlah suatu usaha yang mudah tetapi ia memerlukan suatu usaha terancang dan strategik.

Program 1 Malaysia ialah kempen teras untuk menjadi landasan yang kukuh dalam penglibatan pelbagai lapisan rakyat tanpa mengira umur, kaum, bangsa dan agama dalam program-program yang akan dilaksanakan agar hasrat Kerajaan dapat diterjemahkan dalam kehidupan rakyat Malaysia.

Penjelasan gagasan 1 Malaysia akan disampaikan melalui pelbagai program seperti program merakyatkan seni dan budaya, aktiviti komunikasi bersemuka dan liputan melalui media massa dan media baru.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	13 APRIL 2010 (SELASA)
DARIPADA	Y.B. TUAN M.KULASEGARAN A/L V MURUGESON (IPOH BARAT)

**SOALAN**

Y.B. TUAN M.KULASEGARAN A/L V MURUGESON (IPOH BARAT) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan :-

- (a) jumlah projek komersial dan perumahan yang masih terbengkalai mengikut jumlah pembeli terlibat; dan
- (b) apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memulihkan projek berkenaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 31 Mac 2010, terdapat sebanyak 216 projek perumahan swasta yang tergendala. Jenis pembangunan yang terlibat adalah pembangunan bercampur iaitu melibatkan rumah teres, berkembar, bertingkat dan lain-lain.

Sehingga 31 Mac 2010, terdapat sebanyak 150 projek perumahan swasta terbengkalai di Semenanjung Malaysia dengan anggaran kos jualan sebanyak RM 2.9 bilion. Daripada jumlah tersebut, **sebanyak 30 projek (20%) telah berjaya disiapkan ataupun diselesaikan sepenuhnya**. Manakala 44 projek yang lain (29.3%) sedang dalam pelbagai peringkat pemulihan dan dijangkakan akan dapat disiapkan mengikut tempoh yang dipersetujui bersama dengan semua pihak berkepentingan. Walau bagaimanapun, terdapat baki lagi 76 projek (63.3%) masih dalam peringkat perancangan awal pemulihan di mana KPKT sedang berusaha untuk mendapatkan pemaju penyelamat (*white knight*) bagi memulihkan projek-projek tersebut.

Tuan Yang DiPertua,

Antara langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh KPKT dalam menangani projek-projek perumahan swasta terbengkalai adalah seperti berikut :-

- (i) **Menvelaras pemulihan** bagi kesemua projek perumahan terbengkalai di Semenanjung Malaysia. Tindakan ini dilaksanakan dengan kerjasama daripada semua *stakeholders*

seperti pembeli, institusi kewangan, pemaju penyelamat dan termasuk juga Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

- (ii) Bagi mempercepatkan pemulihan projek-projek perumahan terbengkalai terutamanya projek kos rendah dan kos sederhana, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan dana RM200 juta di bawah Bajet 2010 bagi menampung kos tambahan pemulihan projek-projek tersebut.
- (iii) Kerajaan Persekutuan juga menyediakan dana melalui peruntukan khas dan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) kepada **Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)** bagi memulihkan lebih banyak projek perumahan swasta terbengkalai.
- (iv) KPKT sedang dalam proses memantap dan menambahbaik Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 TAJA 1181 bagi meminimalkan bilangan projek-projek perumahan bermasalah di masa-masa akan datang. Ini termasuklah menyenarai hitam Syarikat pemaju dan Ahli Lembaga Pengarah Syarikat pemaju yang bermasalah.
- (v) Menjadikan rundingan dari semasa ke semasa dengan pihak berkepentingan (*stakeholders*) dalam pemajuan perumahan bagi mencari pilihan penyelesaian terbaik bagi projek-projek perumahan yang terbengkalai;



- (vi) Lawatan yang lebih kerap ke tapak projek dan pejabat pemaju untuk membuat semakan dan pemeriksaan ke atas kemajuan projek;
- (vii) Pemantauan dan penvelarasan yang lebih rapi berkaitan pemulihan projek perumahan terbengkalai juga diadakan melalui:-

a) Pasukan Petuqas Khas Pemulihan Projek Perumahan

Terbengkalai yang dipengerusikan oleh Y. Bhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara; b) Tiqa (3) Kumpulan Keria (Working Group) ditubuhkan bagi menumpukan kepada penetapan dasar pemajuan perumahan negara, pemantapan pemulihan projek dan penguatkuasaan undang-undang.

Kementerian  
Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan  
April 2010



**SOALAN NO.39**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**            LISAN  
**DARIPADA**            Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD [ SIPITANG ]  
**TARIKH**                13 APRIL 2010

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil dan kejayaan kempen pendaftaran pemilih baru oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memandangkan jumlah mereka yang layak mengundi tapi belum mendaftar begitu tinggi. Berapa jumlah pemilih terkini dan apakah sasaran yang ditetapkan untuk didaftarkan tahun ini.

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemilih terkini, mengikut Suku Tahun 4/2009 (Oktober-Disember 2009) yang diwartakan pada 24 Februari 2010, adalah seramai **11, 163, 409 orang**. Jika jumlah ini, yang menyaksikan pertambahan bilangan pemilih daripada seramai **11,032, 853 orang** pada suku Tahun 1/2009 (Januari-Mac 2009) kepada **11, 071,139 orang** pada suku Tahun 2/2009 (April-Jun 2009) dan seterusnya meningkat kepada **11, 085, 863 orang** pada suku Tahun 3/2009 (Julai-September 2009), dapat dijadikan sebagai salah

satu daripada indikator keberkesanan, maka SPR telah berjaya melaksanakan kempen pendaftaran pemilih, termasuk bagi pemilih baru yang disasarkan kepada 30% daripada 4.3 juta warganegara yang telah memenuhi syarat-syarat kelayakan sebagai pemilih pada tahun ini (2010).

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD [ SHAH ALAM ]</b>
<b>TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT</b>	<b>13 APRIL 2010 (SELASA)</b>
<b>SOALAN</b>	<b>NO. 40</b>

**SOALAN**

Minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan apakah pendirian Kerajaan Pusat terhadap usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk mengambil alih perkhidmatan bekalan air dari SYABAS demi meringankan beban rakyat. Adakah Kerajaan Pusat membantu usaha ini sekiranya 'ya' bagaimana.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Usaha mengambil alih perkhidmatan sesebuah syarikat termasuk syarikat air oleh mana-mana pihak adalah merupakan satu pertimbangan komersial dan perlu dibuat secara '*willing buyer willing seller*'. Oleh yang demikian, Kerajaan pada dasarnya tidak menghalang usaha mana-mana kerajaan negeri untuk mengambil alih syarikat air yang telah diswastakan. Walau bagaimanapun, kos pengambilalihan tersebut hendaklah dibiayai sendiri oleh kerajaan negeri tersebut pada kadar yang munasabah dan tidak menjurus kepada kenaikan tarif air yang tinggi.

**SOALAN NO : 41**

**PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA DATO' HJ ISMAIL BIN HJ MOHAMED SAID (KUALA KRAU)**

**TARIKH 13 APRIL 2010 (SELASA)**

**SOALAN** Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah tahap kejayaan Program Skim Transformasi Usahawan Ternak (TRUST) dan Program Pembangunan Ladang Nukleus semenjak ia dilancarkan dan sejauh mana ianya dapat mengurangkan kadar import daging dari luar negara.

**JAWAPAN** Oleh Y.B. **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Skim Transformasi Usahawan Ternak (TRUST) telah diperkenalkan pada tahun 2005 bertujuan untuk merangsang pertumbuhan dan perkembangan penternakan ladang bagi menggalakkan pertumbuhan industri haiwan yang mantap. Sehingga kini Skim TRUST telah menunjukkan perkembangan yang positif dan memberangsangkan dengan pencapaian seperti berikut:

- i) populasi ternakan lembu meningkat daripada 774,402 ekor pada tahun 2006 kepada 1,020,000 ekor pada tahun 2009 dan populasi ternakan kambing juga

meningkat dari 333,962 ekor kepada 635,640 ekor pada tahun yang sama; dan

- ii) kadar sara diri daging lembu meningkat dari 22% pada tahun 2006 kepada 27% pada tahun 2009 dan kadar sara diri daging kambing turut meningkat dari 9% kepada 10.3% pada tahun yang sama.

Melalui pelaksanaan program ini, jumlah import daging lembu/kerbau dari luar negara secara keseluruhan telah berkurangan sebanyak 4,069 tan metrik, iaitu dari 105,000 tan metrik pada tahun 2006 kepada 100,931 tan metrik pada tahun 2009. Dalam masa yang sama pengeluaran daging dalam negara telah dapat dipertingkatkan dari 33,485 tan metrik pada tahun 2006 kepada 43,180 tan metrik pada tahun 2009. Keadaan ini juga selari dengan peningkatan keperluan daging negara iaitu dari 164,173 tan metrik pada tahun 2006 kepada 174,579 tan metrik pada tahun 2009.

Bagi Program Pembangunan Ladang Nukleus Kambing Boer di Pondok Tanjong, Taiping pula, ianya masih pada peringkat pelaksanaan di mana sebanyak 500 ekor induk kambing boer termasuk 35 ekor pejantan baka telah mula ditenak di ladang nukleus ini pada bulan November 2009. Melalui pengesanan kebuntingan yang dibuat pada bulan Januari 2010, didapati sebanyak 85% daripada bibit yang dibiakkan telahpun bunting dan dijangka mula melahirkan anak kambing pada April 2010. Ladang nukleus ini akan mula membekalkan sebanyak 300 ekor induk betina dan 180 ekor pejantan baka tulin berkualiti tinggi setiap tahun untuk diagihkan kepada ladang pengganda mulai Mac 2011.





**SOALAN NO : 42**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA** TUAN MOHSIN FADZIL BIN HJ SAMSURI  
(BAGAN SERAI)

**TARIKH** 13 APRIL 2010 (SELASA)

**SOALAN** Tuan Mohsin Fadzil bin Hj Samsuri minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah sebarang kajian telah dibuat untuk memantau Program Ternakan Kambing dan Lembu:-  
a) berapakah peserta yang mendapat bantuan mengikut negeri bagi tahun 2007-2008; dan  
b) berapa kos purata setiap ekor kambing dan lembu dan nyatakan jenisnya.

**JAWAPAN** Oleh Y.B. **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bersama-sama jabatan/agensi terlibat telah menjalankan beberapa kajian terhadap pembangunan industri ternakan kambing dan lembu negara bagi meningkatkan pengeluaran dan kualiti ternakan. Antara kajian tersebut adalah:

- i) kajian pemakanan ternakan dengan kerjasama Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) terhadap penggunaan bahan sisa pertanian seperti hampas kelapa sawit, hampas soya, pelepah kelapa sawit dan sebagainya. Penggunaan bahan tersebut telah dapat menjimatkan kos makanan ternakan sehingga 47% iaitu dari RM408 ke RM214 dan nilai eksport bahan makanan ternakan telah bertambah sebanyak 87.5% dari RM531 juta pada tahun 2006 ke RM996 juta pada tahun 2009;
- ii) kajian pembekuan semen berkualiti untuk aktiviti peranakan beradas (*Artificial Insemination*) yang dijalankan oleh Institut Bioteknologi Veterinar Kebangsaan di Jerantut, Pahang telah menghasilkan baka ternakan yang lebih baik dan bermutu;
- iii) kajian kawalan penyakit dan kesihatan ternakan melibatkan penghasilan vaksin seperti Penyakit Hawar Berdarah dan penghasilan vaksin Penyakit Kuku dan Mulut oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Hasil daripada kajian tersebut, bilangan kes penyakit kuku dan mulut telah dapat diturunkan dari 146 kes pada tahun 2008 kepada 112 kes pada tahun 2009; dan
- iv) kajian pembangunan industri ternakan kambing dan lembu iaitu *Malaysian Goat Industry Development* (MGID), *Malaysian Beef Industry Development* (MBID) dan Keberkesanan Pencapaian Program Pengembangan di Kawasan Tumpuan Sasaran Bagi Lembu Pedaging.

Kajian-kajian tersebut dijalankan selaras dengan kehendak industri dan hasrat Kerajaan untuk menjadikan pertanian sebagai salah satupemacu ekonomi negara. Kementerian dan jabatan/agensi yang terlibat akan terns menjalankan kajian baru dan membuat penambahbaikan yang berterusan bagi memastikan kejayaan pembangunan industri ternakan kambing dan lembu di samping merealisasikan matlamat untuk mengurangkan import baka ternakan dan daging dari luar negara.

**Soalan No : 4\*^**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON  
(TANGGA BATU)

TARIKH

13.04.2010

**SOALAN:**

Y.B. DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON [ TANGGA BATU ] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah Kementerian tidak lagi menyediakan peruntukan pembayaran bil-bil elektrik dan air bagi sekolah- sekolah bantuan penuh Kerajaan dan mengapakah jumlah bilangan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dikurangkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengakui bahawa memang terdapat pengurangan peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 iaitu sebanyak RM1.8 bilion. Walau bagaimanapun, pengurangan tersebut tidak menjejaskan operasi keseluruhan sekolah di bawah KPM. Bagi pembayaran utiliti sekolah-sekolah Kerajaan tahun 2010, KPM telah memperuntukan sebanyak RM164.64 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan juga tidak mengurangkan bilangan penerima mahupun jumlah peruntukan bagi Rancangan Makanan Tambahan (RMT) untuk tahun 2010. Sebanyak **RM138.9** juta telah pun disediakan untuk keperluan murid yang mendapat RMT pada tahun 2010. Kerajaan juga sedang berusaha mendapatkan peruntukkan tambahan bagi pelaksanaan program tersebut. Rjm 113

**SOALAN NO.44**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN                                LISAN  
DARIPADA :                                Y.B. DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN  
   [ PENGKALAN CHEPA ]  
  
TARIKH    13 APRIL 2010

**SOALAN:**

Y.B. DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN minta PERDANA MENTERI menyatakan cadangan SPR untuk melaksanakan tempoh bertenang selama 2 hari sebelum hari menqundi. apakah kaedahnya adakah meliputi semua bentuk kempen termasuk melalui media cetak dan elektronik serta Internet.

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,  
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR memberikan syor mengenai keperluan mengkaji cadangan mewujudkan perundangan dan penguatkuasaan **Larangan Berkempen** selepas tamat tempoh berkempen dengan mewujudkan **Tempoh Bertenang (Cooling Off Period)** semasa pilihan raya. Tindakan ini perlu dilakukan bagi memastikan penjalanan pilihan raya tidak dicemari oleh unsur-unsur negatif di kalangan penyokong-penyokong parti politik yang mula dikesan dalam pilihan raya di Malaysia.  
Tempoh **Larangan Berkempen** yang diamalkan sekarang adalah diasaskan kepada peruntukkan sub seksyen 2(1) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 yang

melarang sebarang bentuk kempen pada jam 12.00 tengah malam sebelum hari mengundi. Masalah yang berlaku ialah untuk menguatkuasakan larangan tersebut. Dalam keadaan penguatkuasaan lemah, SPR sering mendapati undang-undang larangan berkempen tidak dipatuhi oleh semua pihak. Mereka hanya mematuhi larangan berkempen selepas jam 12.01 malam, tetapi pada hari mengundi, kempen pilihan raya terutamanya merayu dan meraih undi akan dilakukan secara berleluasa oleh semua pihak.

Justeru, SPR bercadang memperkenalkan **Tempoh Bertenang** (*Cooling Off Period*) seiama 48 jam (2 hari) sebelum Hari Mengundi. Ini bermakna dalam tempoh tersebut dan sehinggalah Hari Mengundi, seuala bentuk kempen bagi meraih undi adalah tidak dibenarkan sama sekali.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**                      **LISAN**  
  
**DARIPADA**                              **Y.B. Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [ Kota Tinggi ]**  
  
**TARIKH**                                      **13 APRIL 2010**

**SOALAN**                              **Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [ Kota Tinggi ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan dan langkah yang akan diambil dalam menangani isu melibatkan sensitiviti agama, kaum dan budaya di negara ini.

**JAWAPAN: ( YB Tan Sri Dr.Koh Tsu Koon )**

Walaupun negara kita adalah lebih aman dan damai berbanding dengan negara-negara majmuk yang lain, tetapi perbezaan dari segi kepelbagaian agama, budaya dan bahasa kadang-kala mencetuskan perselisihan serta sentimen agama dan perkauman yang berpotensi menjejaskan ketenteraman dan kestabilan masyarakat, sekiranya tidak diuruskan dan ditangani dengan baik.

Oleh itu, sejak kemerdekaan dan sepanjang proses pembinaan negara selama 53 tahun kebelakangan ini, pucuk pimpinan negara memang sangat sedar dan peka akan cabaran-cabaran untuk terus memupuk persefahaman dan keharmonian, mengurangkan pelbagai jurang antara kaum dan agama serta meredakan dan menyelesaikan sengketa yang timbul. Langkah-langkah yang telah dan akan terus diambil adalah seperti yang dirumuskan berikut.

Pertama, sentiasa memegang teguh Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas kenegaraan yang mengambil kira dan merangkumi hak-hak asas semua rakyat secara seimbang. Asas kenegaraan ini dijadikan rujukan sebagai rujukan untuk pengubalan dan pelaksanaan dasar-dasar dalam pelbagai bidang ekonomi, sosial, pendidikan serta diguna sebagai rujukan untuk penyelesaian sengketa melalui perundingan dan musyawarah secara jujur dengan hati yang terbuka.

Kedua, memperkenalkan dan melancarkan kempen pembaharuan dari masa ke semasa untuk memberi fokus sasaran dan dorongan kepada rakyat dalam proses pembinaan negara yang berterusan, seperti Wawasan 2020 pada tahun 1991 dan Gagasan 1 Malaysia mulai tahun sudah. Gagasan 1 Malaysia mengutamakan 'perpaduan dalam kepelbagaian' supaya rakyat bukan sahaja bertoleransi, tetapi menerima bahkan menghormati dan meraikan kepelbagaian agama dan budaya.

Ketiga, melaksanakan semua dasar dan program untuk rakyat dan kumpulan-kumpulan sasaran secara adil dan seimbang supaya dapat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat untuk menggalakkan penyertaan semua kaum dalam semua bidang secara berkesan dan bermakna.

Keempat, menggubal, meminda dan melaksanakan secara adil undang-undang, segala peraturan dan garis panduan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang bersabit dengan agama, seperti pembinaan dan pemindahan bangunan ibadat, perkahwinan campur, pertukaran agama, penggunaan istilah keagamaan yang tertentu dan sebagainya.

Kelima, menggalakkan interaksi, integrasi dan persefahaman antara kaum di tempat kerja, tempat belajar, tempat kediaman dan dalam pelbagai aktiviti sosial melalui program-program konkrit seperti Rukun Tetangga dalam kawasan-kawasan perumahan, Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) antara sekolah-sekolah rendah pelbagai aliran, Program Latihan Khidmat Negara untuk remaja serta pelbagai program interaksi untuk belia dan kaum wanita.

Keenam, mengwujudkan saluran dan mekanisma formal atau tidak formal di beberapa peringkat untuk menggalakkan wakil dari badan-badan kebudayaan dan agama untuk berhubung, bertukar fikiran dan mencapai persefahaman yang lebih mendalam dan kukuh supaya dapat menangani bersama secara berkesan isu-isu yang mungkin timbul

Ketujuh, meningkatkan keupayaan berkomunikasi dan berunding serta kemahiran mediasi di kalangan pemimpin masyarakat supaya mereka sanggup mententeramkan keadaan dan menyelesaikan sengketa.

Kelapan, berusaha menyakinkan semua pemimpin politik dan masyarakat supaya mengelakkan kecenderungan untuk mempolitik dan mempolarisasikan isu-isu berkaitan dengan agama dan etnik, mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang menjejaskan kesensitifan dan keamanan, jikalau didapati perlu.

Kesembilan, sentiasa mengambil sikap yang positif dan membina, dengan penuh rendah hati serta mengamalkan pendekatan yang inklusif dalam sebarang usaha mengendali dan menguruskan isu-isu berkaitan hubungan antara agama dan etnik.



NO. SOALAN : 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA :** Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff

[Balik Pulau]

**TARIKH**

13 April 2010 (Selasa)

**SOALAN**

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah pelaksanaan Yayasan Bantuan Guaman akan dilaksanakan dan bagaimana ia hendak dilaksanakan oleh Kerajaan terutama sekali di kawasan luar bandar.

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedang meneliti bentuk penubuhan, struktur Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan dan mekanisme pelaksanaannya supaya hasrat Kerajaan untuk memastikan akses kepada keadilan oleh orang yang tidak berkemampuan dalam kes jenayah dapat dicapai dengan sewajarnya selaras dengan Fasal (3) Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan. Sekian. Terima kasih.



**Soalan No : 47**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. DATUK CHUA SOON BUI (TAWAU)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>13.04.2010</b>

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK CHUA SOON BUI [ TAWAU ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

- (a) berapakah bilangan pemegang ijazah jurusan Pendidikan yang gagal dalam temu duga penempatan kerja dari universiti-universiti awam termasuk Universiti Malaysia Sabah (UMS) setiap tahun dari 2005 hingga 2009; dan
- (b) Apakah alasan kegagalan mereka sedangkan mereka telah lulus mendapat ijazah dan apakah rancangan Kementerian untuk membantu mereka untuk menjadi guru pada hal masih terdapat kekurangan guru di Malaysia khususnya di Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melaksanakan urusan temu duga untuk graduan universiti umumnya pada setiap bulan Julai. Sepanjang tempoh 2007 - 2009, jumlah calon yang gagal mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN GAGAL
2007	70
2008	80
2009	992

(b) Tujuan KPM menjalankan urusan temu duga adalah untuk memastikan hanya graduan berkualiti dan terbaik sahaja dapat ditawarkan penempatan. Ini juga untuk mewujudkan persaingan yang sihat dalam kalangan graduan. Temu duga yang dilaksanakan terdiri daripada dua komponen iaitu Ujian Inventori Sahsiah Keguruan (INSAK) dan temu duga individu. Calon-calon hendaklah lulus kedua-dua komponen ini bagi melayakkan mereka dilantik. Ujian INSAK merupakan penilaian keperibadian dan personaliti bakal guru. Manakala aspek-aspek yang dinilai semasa temu duga individu adalah seperti berikut:

- i. Pengetahuan mengenai ikhtisas pendidikan;
- ii. Sahsiah dan kemahiran berkomunikasi;
- iii. Pengetahuan Am;
- iv. Penglibatan kokurikulum;
- v. Pengalaman mengajar; dan
- vi. Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, panel penilai untuk temu duga ini terdiri daripada Pengetua Cemerlang, Guru Cemerlang dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG44 ke atas.

**SOALAN (JT)**

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	13 APRIL 2010 (SELASA)
DARIPADA	Y.B. DATO' IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED (SEPANG)

**SOALAN**

Y.B. DATO' IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED (SEPANG) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah projek perumahan terbengkalai. Berapakah projek perumahan yang telah berjaya diselamatkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 31 Mac 2010, terdapat sebanyak 216 projek perumahan swasta yang tergendala. Jenis pembangunan yang terlibat adalah pembangunan bercampur iaitu melibatkan rumah teres, berkembar, bertingkat dan lain-lain.

Sehingga 31 Mac 2010, terdapat sebanyak 150 projek perumahan swasta terbengkalai di Semenanjung Malaysia dengan anggaran kos jualan sebanyak RM 2.9 bilion. Daripada jumlah tersebut, **sebanyak 30 projek (20%) telah berjaya disiapkan ataupun diselesaikan sepenuhnya**. Manakala 44 projek yang lain (29.3%) sedang dalam pelbagai peringkat pemulihan dan dijangkakan akan dapat disiapkan mengikut tempoh yang dipersetujui bersama dengan semua pihak berkepentingan. Walau bagaimanapun, terdapat baki lagi 76 projek (63.3%) masih dalam peringkat perancangan awal pemulihan di mana KPKT

sedang berusaha untuk mendapatkan pemaju penyelamat (*white knight*) bagi memulihkan projek- projek tersebut.

Tuan Yang DiPertua,

Antara langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh KPKT dalam menangani projek-projek perumahan swasta terbengkalai adalah seperti berikut:-

- (i) **Menvelaras pemulihan** bagi kesemua projek perumahan terbengkalai di Semenanjung Malaysia. Tindakan ini dilaksanakan dengan kerjasama daripada semua *stakeholders* seperti pembeli, institusi kewangan, pemaju penyelamat dan termasuk juga Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- (ii) Bagi mempercepatkan pemulihan projek-projek perumahan terbengkalai terutamanya projek kos rendah dan kos sederhana, Kerajaan Persekutuan telah **menvedikan dana RM200 iuta** di bawah Bajet 2010 bagi menampung kos tambahan pemulihan projek-projek tersebut.
- (iii) Kerajaan Persekutuan juga **menvedikan dana** melalui peruntukan khas dan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) kepada **Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)** bagi memulihkan lebih banyak projek perumahan swasta terbengkalai.
- (iv) KPKT sedang dalam proses **memantap dan menambahbaik Akta Pemaian Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 T Akta 1181** bagi meminimakan bilangan projek-projek perumahan bermasalah di masa-masa akan datang. Ini termasuklah menyenarai hitam Syarikat pemaju dan Ahli Lembaga Pengarah

Syarikat pemaju yang bermasalah.

- (v) **Mengadakan rundingan** dari semasa ke semasa dengan pihak berkepentingan (*stakeholders*) dalam pemajuan perumahan bagi mencari pilihan penyelesaian terbaik bagi projek-projek perumahan yang terbengkalai;
- (vi) **Lawatan** yang lebih kerap ke tapak projek dan pejabat pemaju untuk membuat **semakan dan pemeriksaan** ke atas kemajuan projek;
- (vii) **Pemantauan dan penvelarasan** yang lebih rapi berkaitan pemulihan projek perumahan terbengkalai juga diadakan melalui:-
  - a) **Pasukan Petugas Khas** Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai yang dipengerusikan oleh Y. Bhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara;
  - b) **Tiga (3) Kumpulan Keria (Working Group)** ditubuhkan bagi menumpukan kepada penetapan dasar pemajuan perumahan negara, pemantapan pemulihan projek dan penguatkuasaan undang-undang.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan  
April 2010

4k

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN (TANJONG MANIS)
TARIKH	13.04.2010 (SELASA)
NO. SOALAN	49

DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [ TANJONG MANIS ] minta  
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN  
KEPENGUNAAN menyatakan

- (a) berapa individu dan syarikat yang telah didakwa kerana terlibat dalam kes penipuan tentang sijil HALAL makanan pada tahun 2009; dan
- (b) apakah tindakan Kementerian untuk membanteras keadaan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Bagi tahun 2009, sejumlah 39 kes melibatkan penipuan sijil halal makanan telah diambil tindakan terhadap individu dan syarikat dengan nilai rampasan RM49,971.78.
- (b) Kerajaan mengambil langkah-langkah yang ketat bagi membanteras penyelewengan pelabelan halal yang meliputi salah guna perbahaasan dan logo halal. Secara khususnya, tindakan yang diambil itu mengikut kuat kuasa Akta Perihal dagangan 1972 dan Perintah Perihal



Dagangan (Penggunaan Perbahasaan “Halal”) 1975. Antaranya langkah-langkah tersebut ialah:

- i. meningkatkan kerjasama penguatkuasaan dengan pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN). Bagi maksud ini seramai 79 orang pegawai JAKIM dan JAIN telah diberi kuasa undang-undang di bawah Akta perihal Dagangan 1972 sejak 15 September 2003; dan
- ii. menjalankan pemeriksaan mengejut dari semasa ke semasa di samping pemeriksaan yang dibuat berasaskan aduan tentang keraguan tanda halal yang digunakan. Sepanjang tahun 2005 hingga 2009, sebanyak 35,303 premis telah diperiksa di seluruh negara dan sebanyak 271 kes penyelewengan dikesan dengan nilai rampasan sebanyak RM 5.3 juta.

Kementerian mengalu-alukan kerjasama orang ramai untuk melaporkan penyelewengan berhubung salah guna perbahasaan halal atau keraguan mengenai kehalalannya supaya tindakan segera dapat diambil terhadap pihak-pihak yang terbabit.

SOALAN NO. 50

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI

(BN) (BATANG SADONG)

TARIKH 13 APRIL 2010 (SELASA)

SOALAN

YB Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri (BN) (Batang Sadong) minta MENTERI PEMBANGUNAN WAN IT A, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah di antara dasar Kementerian yang boleh membanggakan dan memberi impak yang begitu signifikan kepada golongan wanita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Wanita Negara yang digubal buat pertama kali pada tahun 1989 dan ditambah baik pada tahun 2009, adalah dasar yang memberi impak signifikan kepada golongan wanita di Malaysia. Dasar ini bertujuan menjamin perkongsian saksama antara wanita dan lelaki dalam memperoleh sumber serta mengarusperdanakan perspektif gender dalam

semua sektor pembangunan negara. Antara impak yang jelas dilihat ialah:

1. Komitmen yang tinggi dari pihak Kerajaan untuk menjamin hak dan kepentingan wanita. Kesediaan Kerajaan meminda Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan pada tahun 2001 untuk memastikan tiada sebarang diskriminasi berasaskan gender merupakan *milestone* penting dalam perjuangan wanita mencapai kesaksamaan gender.

Berikutan pindaan kepada Perlembagaan tersebut, beberapa pindaan undang-undang telah dibuat seperti Akta Pencen 1980 bagi membolehkan balu yang berkahwin semula terus menerima pencen terbitan, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 bagi membolehkan isteri atau bekas isteri peneroka mendapat hak milik ke atas tanah rancangan yang diusahakan, dan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 bagi membolehkan pencen ilat kepada balu yang berkahwin semula dikekalkan.

Isu keganasan terhadap wanita telah mendapat perhatian serius daripada semua pihak, sama ada pihak Kerajaan mahupun pertubuhan bukan

Kerajaan (NGO). Dengan penggubalan Akta Keganasan Rumah Tangga pada tahun 1994, kes keganasan rumah tangga tidak lagi dianggap sebagai isu keluarga sebaliknya sebagai satu kesalahan jenayah. Hukuman bagi kesalahan seksual yang lain seperti rogol dan sumbang mahram juga telah ditingkatkan dengan pindaan kepada Kanun Keseksaan pada tahun 2006 sebagai *deterrent* kepada pelaku jenayah seksual. Selain itu, Kerajaan telah menggubal Akta Antipemerdagangan Orang pada tahun 2007 bagi menangani isu pemerdagangan orang, terutamanya wanita dan kanak-kanak.

3. Jentera nasional mengenai wanita diperkukuhkan dengan penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (KPWK) pada tahun 2001, sebuah Kementerian khusus untuk menangani isu-isu berkaitan kesaksamaan gender. Perluasan jentera nasional sehingga ke peringkat negeri dan kawasan Parlimen membolehkan program pembangunan wanita dijalankan dengan lebih terancang dan berkesan serta dapat memberi manfaat langsung kepada wanita di peringkat akar umbi.
4. Kepekaan gender di kalangan pegawai Kerajaan pada umumnya

menampakkan peningkatan walaupun masih perlu dipertingkatkan lagi terutama di kalangan kepimpinan tertinggi. Input berkaitan isu gender diberi perhatian dalam penggubalan dasar dan program di peringkat kementerian.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, Dasar sekurang-kurangnya 30 peratus Wanita di Peringkat Membuat Keputusan dalam sektor awam turut memberi impak kepada kepimpinan wanita. Dasar ini telah menampakkan kemajuan yang memberangsangkan apabila bilangan wanita yang menyandang jawatan utama sektor awam (JUSA) meningkat daripada 18.8 peratus pada tahun 2004 kepada 27.7 peratus pada tahun 2009; Duta Besar daripada 10.0 peratus pada tahun 2006 kepada 12.1 peratus pada tahun 2009; dan Pesuruhjaya Tinggi daripada 4.3 peratus pada tahun 2006 kepada 15.4 peratus pada tahun 2009.

Jawatan Naib Canselor yang dahulunya didominasi oleh lelaki kini telah disandang oleh wanita di mana 2 orang wanita telah dilantik sebagai Naib

Canselor universiti awam iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Pelantikan mereka ini merupakan peningkatan daripada sifar peratus pada tahun 2004 kepada 10.0 peratus pada tahun 2009.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan Kerajaan mengkaji semula kemudahan cuti menjaga anak kepada anggota wanita yang melahirkan anak demi menjaga kebajikan ibu dan anak juga memberi impak besar kepada golongan wanita. Pemberian kemudahan Cuti Menjaga Anak sehingga 1,825 hari (5 tahun) dapat membantu wanita kekal dalam perkhidmatan Kerajaan. Begitu juga pemberian insentif penubuhan TASKA di tempat kerja sektor awam dan dalam komuniti serta pemberian subsidi yuran pengasuhan anak yang dihantar ke TASKA di tempat kerja sektor awam dan TASKA komuniti.

Tuan Yang di-Pertua,

Memandangkan isu berkaitan wanita adalah isu yang merentas pelbagai sektor, maka dasar-dasar yang diperkenalkan oleh Kerajaan memerlukan

kerjasama dan komitmen daripada pelbagai pihak, termasuk pihak swasta, organisasi bukan kerajaan dan masyarakat umum serta parti-parti politik. Oleh yang demikian, adalah wajar agenda gender diberikan perhatian serius dan tidak dijadikan isu untuk kepentingan tertentu.

SJ.B/(142)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB  
(KUBANG KERIAN)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 13.04.2010 SoMAN Mo: 51

Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub (Kubang Kerian) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berikutan langkah Kerajaan China yang telah menghantar nota diplomatik kepada Malaysia menggesa Kerajaan Malaysia meningkatkan penguatkuasaan di pintu-pintu keluar dari negara ini untuk menghalang percubaan menyeludup dadah dari negara-negara luar, terutama China. Apakah tindakan Kerajaan terhadap perkara tersebut.

JAWAPAN;

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kerajaan Malaysia

sentiasa meningkatkan usaha mencegah aktiviti penyeludupan dadah termasuklah meningkatkan penguatkuasaan di pintu-pintu keluar dari negara ini. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Kastam



Diraja Malaysia termasuklah mempertingkatkan kecekapan usaha mengesan dan menghaiang pergerakan masuk/keluar dadah dengan

- (i) Meningkatkan penguatkuasaan dadah di KLIA, Sepang dan LCCT (Low Cost Carrier Terminal), Sepang dengan menubuhkan pasukan *rover*, untuk pemeriksaan rapi penumpang kapal terbang yang berisiko tinggi termasuk dari negara China;
- (ii) Menggunakan Anjing Pengesan Dadah (APD) untuk memastikan pengesanan yang baik;
- (iii) Meningkatkan kejasama dengan agensi dalam negara seperti Polis Diraja Malaysia, Agensi Anti-Dadah Kebangsaan serta Bahagian Farmasi, Kementerian Kesihatan dalam melaksanakan penguatkuasaan narkotik di semua pintu masuk/keluar negara;
- (iv) Meningkatkan kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan luar negara untuk bertukar maklumat berkaitan aktiviti penyeudupan dadah; dan
- (v) Memberi tumpuan khusus di dalam pemeriksaan kemasukan orang/barangan dari negara-negara berdekatan dengan China, seperti Hong Kong, Taiwan dan Macau yang menjadi tempat transit penyeudupan dadah masuk ke Malaysia.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT. MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

		<b>: Y.B. TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN MD TAIB</b>
<b>DARIPADA</b>		
<b>KAWASAN</b>		<b>BALING</b>
		<b>13.4.2010 (Selasa)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>NO.</b>	<b>52 SOALAN</b>

**Y.B. TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN MD TAIB** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANT ARABANGS A DAN INDUSTRI** menyatakan apakah Kerajaan sedar bahawa pada tahun 2009 yang lalu negeri Kedah telah mencatat RM1.837 bilion pelaburan dan MIDA telah meletakkan Kedah di tempat ke-5 besarnya jumlah pelaburan yang masuk ke negara ini.

**Jawapan**

**Tuan Yang diPertua,**

**Menurut perangkaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDA), pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan di negeri Kedah**

bagi tahun 2009 adalah berjumlah RM1.5 billion dan ini telah meletakkan Kedah di kedudukan keenam dari segi kemasukan pelaburan.

Bagi tahun 2008 pula, pelaburan yang diluluskan oleh MIDA bagi negeri Kedah adalah berjumlah RM2.6 bilion dan ini telah meletakkan Kedah di kedudukan ketuiuh.

Kerajaan juga telah mengambil pendekatan yang bersepadu dalam memastikan pelaburan yang diluluskan di setiap negeri akan dilaksanakan seperti yang dicadangkan.

Kerajaan juga melipatgandakan usaha untuk menarik FDI dan memastikan FDI berkualiti terus mengalir masuk ke dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan di Malaysia, termasuk ke negeri Kedah.

SOALAN NO. : 53

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

DARIPADA

Y.B DATO' RASHID BIN DIN

[MERBOK]

TARIKH

13 APRIL 2010

**SOALAN :**

Dato' Rashid bin Din [ Merbok ] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan jumlah kes pembalakan haram yang dilaporkan sejak tahun 2006 mengikut negeri. Senaraikan tindakan dan keputusan yang dicapai selama ini, dan apakah langkah pencegahan oleh Kerajaan dalam membendung kegiatan pengkhianat khazanah negara ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tempoh 2006 hingga 2009 sebanyak 144 kes pembalakan haram telah dikesan dan dibuka kertas siasatan. Pecahan kes-kes ini mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	2006	2007	2008	2009
Johor	0	0	5	4
Kedah	3	9	1	1

Kelantan	1	6	0	2
Melaka	0	1	0	0
Negeri Sembilan	2	4	2	6
Pahang	23	12	28	3
Perak	2	2	2	4
Perlis	0	0	0	0
Pulau Pinang	0	0	0	0
Selangor	1	0	0	2
Terengganu	2	4	4	8
Jumlah	34	38	42	30

Daripada 144 kes yang dikesan sebanyak, 112 kes telah diambil tindakan dan kes-kes ini telah selesai manakala sebanyak 31 kes lagi siasatan masih belum selesai dan 1 kes dalam tindakan mahkamah.

Pihak Kerajaan amat serius dalam menangani aktiviti pembalakan haram dan pencerobohan hutan. Sehubungan dengan itu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Perhutanan telah memberi perhatian serius dan komited terhadap usaha yang berterusan sebagai langkah pencegahan dalam membanteras aktiviti berkenaan dengan melaksanakan tindakan-tindakan seperti berikut:-

- i) Memperkemaskan dan mencadangkan pindaan ke atas peruntukan-peruntukan dalam Akta Perhutanan Negara, 1984 [Akta 313] di antaranya adalah cadangan beban bukti "*strict liability*" kepada pesalah hutan, penalti untuk pencerobohan hutan dinaikkan daripada RM500,000 kepada RM 1,000,000 dan penjara tidak melebihi 20 tahun dengan penjara mandatori tidak kurang dari 1 tahun, mewartakan pegawai yang bertugas di Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia untuk menjalankan tugas penyiasatan dan pendakwaan di negeri-negeri, kesalahan pemalsuan dokumen dan memperkemaskan lagi prosedur tangkapan,

- menggeledah, menyita serta menyiasat.
- ii) Menempatkan pegawai siasatan daripada Bahagian Penguatkuasaan Hutan di Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia di Jabatan- jabatan Perhutanan Negeri bagi memantapkan keberkesanan aktiviti penguatkuasaan dan pendakwaan kes kesalahan hutan terutamanya pembalakan haram;
  - iii) Pemantauan yang lebih kerap oleh pasukan '*flying squad*' di Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia bagi membanteras kes-kes kesalahan hutan;
  - iv) Mengenalpasti kawasan yang berisiko tinggi berlakunya kegiatan pembalakan haram (*hotspot*). Dalam hubungan ini, pasukan penguatkuasaan Jabatan Perhutanan Negeri dari kedua-dua Pejabat Perhutanan Negeri dan Pejabat Hutan Daerah telah mempertingkatkan aktiviti rondaan, pemantauan, dan juga mengadakan sekatan jalanraya di kawasan *hotspot* berkenaan dalam usaha mengesan dan mencegah sebarang kegiatan pembalakan haram;
  - v) Menjalankan sekatan jalanraya dari semasa ke semasa bagi mengawal pergerakan kayu balak;
  - vi) Menggunakan teknologi penderiaan jauh (*remote sensing*) dan sistem maklumat geografi (*GIS*) untuk mengesan dan memantau aktiviti pencerobohan hutan;
  - vii) Memperkenalkan penggunaan Sistem Pengurusan Hutan Berasaskan Teknologi *Radio Frequency Identification* (RFID) dalam aktiviti-aktiviti operasi hutan seperti penandaan dan penebangan pokok, pengutipan hasil hutan serta pengangkutan balak yang bertujuan mengesan dan memantau pergerakan kayu balak daripada kawasan hutan sehingga ke kilang pemprosesan kayu;
  - viii) Mengadakan sistem balai pemeriksa hutan di mana semua lori yang membawa kayu balak dikehendaki mempunyai pas memindah yang dikeluarkan oleh balai pemeriksa hutan;
  - ix) Menggalakkan masyarakat awam membuat aduan mengenai kegiatan pencerobohan hutan yang disyaki sedang atau telah berlaku Bagi memudahkan masyarakat awam membuat aduan mengenai kegiatan pembalakan haram Jabatan telah menyediakan kemudahan talian tol bebas dan Sistem Pesanan Ringkas (SMS). Di antaranya kemudahan Tol Bebas di Ibu Pejabat Perhutanan iaitu 1-800-88-577, Jabatan Perhutanan Negeri

Perak : 1-800-88-270 dan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, SMS:  
HUTAN<jarak> ADUAN hantar ke 32232; dan

- x) Memastikan bahawa sempadan kawasan-kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) berada dalam keadaan bersih serta ditanda dengan jelas dan terang di lapangan.

Sekian, terima kasih.





PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, ~~SOALAN NO :~~ Sty'  
MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT [KUALA TERENGGANU]
TARIKH SOALAN	13 April 2010

TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT [KUALA TERENGGANU] minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan bangunan dan kemudahan awam serta mercu tanda yang dibina oleh Kerajaan dan Swasta seperti Menara Telekomunikasi, Masjid, Terminal Bas & Teksi, Dewan Bedah Hospital, Makmal Komputer, Dewan Sekolah, Stadium, Pusat Akuatik, Lapangan Terbang, Taman Tamadun Islam, dan sebagainya yang didapati rosak, bocor, mendap, runtuh dan diarah tutup di Negeri Terengganu. Sila nyatakan mengapakah perkara ini boleh berlaku.

JAWAPAN:  
Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejadian bangunan dan kemudahan awam serta mercu tanda yang dibina oleh Kerajaan dan Swasta yang didapati rosak, bocor, mendap, runtuh dan diarahkan tutup yang terjadi kebelakangan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor yang telah dikenal pasti oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) adalah:-

- i. Kemampuan teknologi pembinaan yang masih terbatas di dalam industri pembinaan terutamanya bagi projek yang melibatkan struktur yang canggih dan masalah pemasangan yang rumit;
- ii. Keupayaan kejuruteraan yang merangkumi analisis struktur, reka bentuk struktur dan pengawasan pembinaan oleh perunding dan personel kejuruteraan setempat yang masih terhad untuk struktur yang canggih dan masalah pemasangan yang rumit; dan
- iii. Kekurangan maklumat dan data mengenai kesan alam sekitar setempat yang ekstrem.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemampuan teknologi pembinaan di dalam industri pembinaan negara adalah terbatas di dalam beberapa keadaan di mana struktur yang hendak didirikan

adalah berbeza dari struktur yang lazimnya didirikan untuk keperluan biasa. Keadaan ini disebabkan oleh beberapa faktor umpamanya span yang sangat panjang daripada biasa, rekabentuk arkitektur yang unik dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keperluan struktur yang unik dan ekstrem ini memaksa pengurus projek untuk mendapatkan kepakaran dari luar negara. Untuk mengurus dan memantau teknologi yang dibawa dari luar ini juga memerlukan pengetahuan dan keupayaan teknikal personel kejuruteraan yang mantap. Mudah atau sukarnya untuk mendapatkan keupayaan teknikal ini mungkin berbeza di antara tempat-tempat di Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, faktor alam sekitar yang ekstrem juga menjadi punca kepada masalah yang disebutkan di dalam soalan. Untuk mengatasi masalah kesan dari alam sekitar ini memerlukan data dan maklumat yang masih tidak terdapat di dalam industri atau institusi di negara ini. Ia memerlukan kajian yang saintifik dan mungkin memerlukan masa yang lama



**NO. AUM : 56**

NO. AUP : 4

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN : RUJUKAN  
LISAN  
DARIPADA TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM  
[ KUALA KEDAH ]  
TARIKH 13 APRIL 2010  
2476

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [ Kuala Kedah ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik 2005 hingga 2009 bagi kadar jenayah juvana berusia 15 tahun ke bawah mengikut kaum dan jenis jenayah tersebut. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian dalam membendung jenayah ini.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Kedah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, kerajaan memandang serius terhadap kes-kes jenayah yang melibatkan golongan Juvana dan akan mengambil tindakan tegas bagi membendung jenayah tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian tidak mempunyai rekod jumlah Jenayah Juvana yang dilakukan mengikut kaum. Walau bagaimanapun, berdasarkan statistik yang ada, kadar jenayah kekerasan dan jenayah harta benda yang dilakukan oleh golongan ini sejak tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti berikut:-

BIL.	TAHUN	JENAYAH KEKERASAN	JENAYAH HARTA BENDA	JUMLAH
1.	2005	422	2,663	3,085
2.	2006	637	3,654	4,291
3.	2007	940	3,452	4,392
4.	2008	1,427	3,698	5,125
5.	2009	1,546	3,627	5,173

Daripada statistik ini, secara purata jumlah jenayah yang melibatkan golongan Juvana bagi tempoh lima (5) tahun ini adalah sebanyak 2.26% sahaja.

Tuan Yang Dipertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah merangka beberapa pendekatan bagi mengatasi masalah Jenayah Juvana khususnya di kalangan pelajar, antaranya ialah:-

Sebelum pelajar terlibat dalam jenayah:

- i. Mengadakan ceramah berkaitan jenis-jenis Jenayah Juvana dan hukuman yang dikenakan terhadap pesalah;
- ii. Pameran di sekolah-sekolah mengenai bahaya penglibatan dalam kegiatan jenayah;
- iii. Mengadakan aktiviti Kurikulum seperti Kadet Polis;
- iv. Menubuhkan Kelab Pencegahan Jenayah di sekolah; dan
- v. Melantik seorang pegawai polis sebagai Pegawai Perhubungan Sekolah di setiap sekolah.

Semasa pelajar terlibat dalam jenayah:

- i. Menjalankan operasi di tempat-tempat hiburan dan kawasan penagihan dadah; dan
- ii. Mengesan laporan-laporan orang hilang yang melibatkan pelajar sekolah dan para juvana.

Selepas pelajar terlibat dalam jenayah:

- i. Memberi kaunseling kepada pelajar-pelajar yang terlibat supaya tidak mengulangi perbuatan mereka;
- ii. Memberikan tempoh berkelakuan baik selepas keluar dari tempat pemulihan; dan
- iii. Bekerjasama dengan ahli keluarga dan pihak sekolah dalam memerhatikan kegiatan pelajar-pelajar yang terlibat dalam kes Juvana.

Tuan Yang Dipertua,

Dengan langkah-langkah pencegahan yang saya nyatakan itu, sekurang-kurangnya kerajaan dapat membendung kegiatan jenayah yang dilakukan oleh Juvana ini.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN  
KEDUABELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK BUNG MOKHTAR BIN  
RADIN

(KINABATANGAN)



TARIKH : 13 APRIL 2010

SOALAN : 56

Minta Menteri kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan:-

- (a) cadangan pelaksanaan pembinaan jalan luar bandar Kampung Kuamut, Kinabatangan cadangan pelaksanaan pembinaan jalan luar bandar Kg. Balat Kinabatangan; dan
- (b) cadangan pelaksanaan pembinaan jalan luar bandar Kg, Tempasak, Kinabatangan dan cadangan pelaksanaan pembinaan jalan luar bandar Kg. Masaum, Kinabatangan.

**JAWAPAN ;**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah menyenaraikan projek-projek tersebut dibawah cadangan projek RMK-10 bagi pelaksanaan pada tahun 2013-2015. Kementerian sentiasa berusaha untuk meningkatkan kemudahan prasarana di kawasan luar bandar supaya taraf sosio-ekonomi masyarakat luar bandar dapat ditingkatkan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN**                      **LISAN**  
**DARIPADA**                      **Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR**  
   **(JERAI)**

**TARIKH**                              **13.4.2010**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR [ JERAI ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah rasionalnya Kementerian membatalkan hari persekolahan ganti pada 6 Februari 2010 dan mengarahkan para guru di Kedah hadir ke program Juara Rakyat yang diadakan di Kota Seputih pada tarikh tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program Juara Rakyat yang diadakan pada tarikh tersebut adalah sebagai wadah bagi memberi peluang kepada masyarakat warga pendidik di negeri Kedah untuk mengikuti penjelasan mengenai dasar-dasar Kerajaan. Sehubungan itu, sekolah-sekolah di negeri Kedah telah diminta agar menunda hari persekolahan ganti pada tarikh tersebut ke suatu tarikh yang lain. Sebanyak 183 buah sekolah daripada 704 buah sekolah di Kedah terlibat dengan cuti ganti persekolahan pada tarikh tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KET1GA PARLIMEN KEDUA  
BELAS TAHUN 2010

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B. DATO' JOHARI ABDUL (SUNGAI PETANI)

13 APRIL 2010

TARIKH

SOALAN Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan memandangkan ada laporan mengatakan 77% dari penduduk Orang Asli di Negara ini berada di tahap kemiskinan dan 35% di tahap miskin tegar:-

- a) Jika laporan ini benar, apakah tindakan serta merta Kerajaan mengeluarkan mereka dari kehidupan sengsara ini; dan
- b) Berapakah jumlah Pegawai Kumpulan A yang bertugas dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan berapa dari jumlah ini terdiri dari Orang Asli.

')

### JAWAPAN (a)

Untuk makluman Yang Berhormat, laporan yang mengatakan 77% daripada penduduk Orang Asli di Negara ini berada di tahap kemiskinan dan 35% daripada itu adalah di tahap miskin tegar adalah tidak benar dan mengelirukan.

Mengikut rekod Jabatan sehingga 31 Disember 2009, Kemiskinan Orang Asli berada pada tahap 48.9% dan miskin tegar Orang Asli terkini adalah 15.47% atau seramai 4,307 keluarga sahaja.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan sememangnya memandang serius dan prihatin mengenai masyarakat orang Asii. Mulai tahun 2010 telah diwujudkan Minister Key Result Area (MKRA) atau KPI Menteri bagi mewujudkan sumber- sumber ekonomi di kawasan yang mempunyai kepadatan miskin tegar yang tinggi terutama di negeri Pahang, Perak dan Kelantan dengan projek tanaman kontan seperti jagung, keledak, pisang nenas dan serai. Pelaksanaan projek ini melibatkan peserta seramai 1200 orang KiR dengan anggaran kos sebanyak RM2.11 juta, dilaksanakan mulai 2010 hingga tahun 2012.  
)

Di samping itu juga, seramai 2,200 KIR Orang Asli akan diberi bantuan

Input Pertanian dengan peruntukan sebanyak RM6.6 juta dalam usaha Kerajaan membantu masyarakat Orang Asli meringankan beban kehidupan mereka dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan pendapatan golongan ini. Skop bantuan yang disalurkan ini adalah berupa baja, anak benih, racun dan peralatan pertanian yang mana kadarnya terhad kepada RM3,000 per KIR.

Pada masa yang sama, JHEOA masih lagi meneruskan Program Bantuan Bakul Makanan kepada golongan miskin dan miskin tegar Orang Asli yang dengan peruntukan sebanyak RM13.4 juta setahun. Program ini telah berjalan semenjak tahun 2008.

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menerusi JHEOA turut melaksanakan projek-projek bagi prasarana bagi peningkatan kualiti hidup masyarakat Orang Asli terutama Program Bantuan Rumah dan Bekalan Air Bersih.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2009 sahaja, JHEOA telah berjaya membina sebanyak 2,248 buah rumah melibat kos RM66.5 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi dan sebanyak 209 buah kampung turut dilibatkan dalam projek bekalan air bersih dibawah Pakej Rangsangan Ekonomi dengan



peruntukan RM200 juta. Untuk makluman Yang Berhormat, Program Bantuan rumah kepada masyarakat Orang Asli ini akan diteruskan lagi pada tahun ini dengan sasaran sebanyak 1,900 buah rumah akan dibina.

#### JAWAPAN (b)

Jumlah jawatan Pegawai Kumpulan A di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ialah sebanyak 49 jawatan. Sehingga Mac 2010, seramai 33 orang Pegawai Kumpulan A yang sedang berkhidmat di Jabatan yang mana 2 orang daripadanya terdiri daripada Orang Asli seperti berikut:

- (i) Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) - Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M54.
- (ii) Penolong Pengarah - Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41 (Kontrak).





**SOALAN NO.59**

PERTANYAAN **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN KARPAL SINGH  
[BUKIT GELUGOR]

TARIKH 13 APRIL 2010

**SOALAN:**

Y.B. TUAN KARPAL SINGH minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan adalah bersedia untuk menggubal undang-undang yang menjadikan penqundian di dalam pilihan rava mandatori. Sekiranya tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk menjadikan pendaftaran pemilih dan mengundi sebagai wajib kerana Kerajaan percaya sistem yang diamalkan sekarang kondusif dan praktikal. Sekiranya ia dijadikan sebagai mandatori, ini akan melibatkan penguatkuasaan Undang- undang yang boleh membebbankan rakyat.

Bahkan, tindakan mewajibkan mendaftar atau mengundi adalah bertentangan dengan Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan yang menyentuh tentang Hak Kebebasan Individu dan ini sekaligus bercanggah dengan prinsip demokrasi

yang diamalkan di Negara kita yang memberi ruang yang bebas kepada semua. Hakikatnya, tidak pernah ada mana-mana individu, mahupun parti, yang layak mengikut kerangka Undang-undang dihalang daripada mengambil bahagian di dalam proses pilihan raya sama ada untuk mengundi atau pun bertanding.

Kerajaan juga percaya bahawa purata peratusan keluar mengundi yang tinggi iaitu melebihi 73% daripada jumlah warganegara yang layak mendaftar sebagai pemilih adalah satu petunjuk yang jelas bahawa masyarakat Malaysia sedar akan hak mereka yang termaktub di dalam Perlembagaan. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	13 APRIL 2010 (SELASA)
DARIPADA	Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAHBINTI MAHMUD (KOTA RAJA)

**SOALAN**

**Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD (KOTA RAJA)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah polisi Kementerian mengenai projek-projek perumahan terbengkalai yang tidak dapat diselamatkan dan menjadi punca masalah kesihatan serta sarang penagih dadah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 31 Mac 2010, terdapat sebanyak 216 projek perumahan swasta yang tergendala. Jenis pembangunan yang terlibat adalah pembangunan bercampur iaitu melibatkan rumah teres, berkembar, bertingkat dan lain-lain.

Sehingga 31 Mac 2010, terdapat sebanyak 150 projek perumahan swasta

terbengkalai di Semenanjung Malaysia dengan anggaran kos jualan sebanyak RM 2.9 bilion. Daripada jumlah tersebut, **sebanyak 30 projek (20%) telah berjaya disiapkan ataupun diselesaikan sepenuhnya**. Manakala 44 projek yang lain (29.3%) sedang dalam pelbagai peringkat pemulihan dan dijangkakan akan dapat disiapkan mengikut tempoh yang dipersetujui bersama dengan semua pihak berkepentingan. Walau bagaimanapun, terdapat baki lagi 76 projek (63.3%) masih dalam peringkat perancangan awal pemulihan di mana KPKT sedang berusaha untuk mendapatkan pemaju penyelamat (*white knight*) bagi memulihkan projek-projek tersebut.

Tuan Yang DiPertua,

Antara langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh KPKT dalam menangani projek-projek perumahan swasta terbengkalai adalah seperti berikut :-

- (i) **Menvelaras pemulihan** bagi kesemua projek perumahan terbengkalai di Semenanjung Malaysia. Tindakan ini dilaksanakan dengan kerjasama daripada semua *stakeholders* seperti pembeli, institusi kewangan, pemaju penyelamat dan termasuk juga Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- (ii) Bagi mempercepatkan pemulihan projek-projek perumahan terbengkalai terutamanya projek kos rendah dan kos sederhana,

- Kerajaan Persekutuan telah menvediakkan dana RM200 iuta di bawah Bajet 2010 bagi menampung kos tambahan pemuliharaan projek-projek tersebut.
- (iii) Kerajaan Persekutuan juga menvediakkan dana melalui peruntukan khas dan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) kepada **Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)** bagi memulihkan lebih banyak projek perumahan swasta terbengkalai.
  - (iv) KPKT sedang dalam proses memantap dan menambahbaik Akta Pemaiuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 TAkta 1181 bagi meminimalkan bilangan projek-projek perumahan bermasalah di masa- masa akan datang. Ini termasuklah menyenarai hitam Syarikat pemaju dan Ahli Lembaga Pengarah Syarikat pemaju yang bermasalah.
  - (v) Menqadakan rundingan dari semasa ke semasa dengan pihak berkepentingan (*stakeholders*) dalam pemajuan perumahan bagi mencari pilihan penyelesaian terbaik bagi projek-projek perumahan yang terbengkalai;
  - (vi) Lawatan yang lebih kerap ke tapak projek dan pejabat pemaju untuk membuat semakan dan pemeriksaan ke atas kemajuan projek;
  - (vii) Pemantauan dan penvelarasan yang lebih rapi berkaitan pemuliharaan projek perumahan terbengkalai juga diadakan melalui:-
    - a) Pasukan Petuqas Khas Pemuliharaan Projek Perumahan Terbengkalai yang dipengerusikan oleh Y. Bhg.Tan Sri Ketua

Setiausaha Negara;

- b) Tiga (3) Kumpulan Kerja (Working Group) ditubuhkan bagi menumpukan kepada penetapan dasar pemajuan perumahan negara, pemantapan pemulihan projek dan penguatkuasaan undang-undang.

Kementerian  
Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan  
April 2010



DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

tioz €(

PERTANYAAN  
DARIPADA  
TARIKH  
NO SOALAN

**JAWAPAN**  
**PEMBERITAHUAN**  
**N PERTANYAAN**  
TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID  
(KUALA LANGAT)  
13.04.2010  
61

TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID ( KUALA LANGAT ) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah formula matematik ataupun 'pricing mechanisme' yang diguna pakai oleh Kerajaan bagi menetapkan harga petrol (yang dikategorikan sebagai harga subsidi di stesyen-stesyen minyak di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Penentuan harga runcit produk petroleum di Malaysia ditentukan melalui kaedah *Automatic Pricing Mechanism* (APM). Kaedah ini telah diguna pakai sejak tahun 1983. Melalui APM, Kerajaan akan menetapkan harga runcit pada satu paras

tertentu di mana perubahan kos produk tidak akan mengubah harga runcit. Perbezaan antara harga runcit dengan harga sebenar akan ditampung oleh subsidi dan pengecualian cukai jualan. Komponen APM terdiri daripada kos produk yang merupakan harga purata *Means of Platts Singapore* (MOPS), alpha, kos operasi, margin syarikat minyak, margin pengusaha, cukai jualan dan subsidi.

Melalui kaedah ini, komponen pemboleubah utama adalah kos produk dan kadar tukaran matawang. Oleh yang demikian, perubahan kepada kedua-dua komponen ini akan memberi kesan langsung kepada jumlah subsidi dan pengecualian cukai jualan Kerajaan dalam menentukan harga runcit petrol dan diesel.

Bagi memastikan harga produk petroleum tidak dinaikkan secara mendadak, Kerajaan akan mengikuti perkembangan pasaran harga produk kos setiap masa dan kadar tukaran matawang untuk menetapkan harga runcit petrol dan diesel. Berdasarkan kaedah ini, Kerajaan akan menaikkan harga runcit petrol dan diesel apabila kos produk naik di paras di mana Kerajaan mengecualikan semua cukai jualan dan menghabiskan subsidi 30 sen seliter.



**SOALAN 62**

PERTANYAAN RAKYAT LISAN  
DARIPADA Y.B. DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB  
(LANGKAWI)  
TARIKH 13 APRIL 2010  
SOALAN

Meminta MENTERI  
PELANCONGAN menyatakan:

- ini kebelakangan ini antarabangsa; dan
- a) jumlah pelancong yang berkunjung ke Langkawi bagi 3 tahun mengikut pelancong domestik dan antarabangsa; dan
  - b) nyatakan 10 buah negara yang ramai pengunjung dan apakah tindakan Kerajaan untuk meningkatkan lagi jumlah pelancong ke Langkawi.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan data Kajian Penginapan Hotel yang diperolehi, jumlah kedatangan pelancong yang berkunjung ke Langkawi, jumlah pelancong yang menginap hotel di Langkawi pada tahun 2007 adalah seramai 3.42 juta orang dengan jumlah penginap domestik seramai 1.81 juta orang manakala penginap antarabangsa seramai 1.61 juta orang. Pada tahun 2008 pula, seramai 2.87 juta orang pelancong telah menginap dengan penginap domestik direkodkan seramai 1.35 juta orang dan penginap antarabangsa mencatatkan seramai 1.52 juta orang. Manakala, bagi tahun 2009 telah mencatatkan seramai 3.03 juta orang penginap dengan penginap domestik seramai 1.27 juta orang dan penginap antarabangsa seramai 1.76 juta orang.

Tuan Yang di Pertua,

Sepuluh pasaran pelancong yang paling ramai melawat Langkawi bagi tahun 2009 adalah United Kingdom iaitu seramai 155,263 orang, diikuti

Australia seramai 151,446 orang, Saudi Arabia seramai 138,670 orang, Singapura seramai 117,047 orang, China seramai 111,711 orang, Hong Kong seramai 93,016 orang, India seramai 78,540 orang, Germany seramai 67,783 orang, Taiwan seramai 62,405 orang dan Jepun seramai 60,860 orang.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meningkatkan lagi jumlah pelancong ke Langkawi, Kementerian Pelancongan Malaysia, Tourism Malaysia, Kerajaan Negeri Kedah dan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah mengatur pelbagai program sepanjang tahun 2010. Antara aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan sepanjang tahun 2010 adalah Royal Langkawi International Regatta, Langkawi Geopark International Regatta Perdana, Ironman Langkawi, Pesta Air Malaysia Langkawi, *4th International UNESCO Conference on Geopark* dan *Langkawi Adang-Satun International Fishing Challenge*. Selain itu Kementerian Pelancongan Malaysia, Tourism Malaysia dan LADA juga telah dan akan menyertai program seperti *Asia Tourism Forum(ATF)* di Brunei, Misi Jualan di Ferie Copenhagen, *Asia Pacific Incentives & Meetings Expo(AIME) Melbourne*, Misi Jualan ke India, *International Tourism Bourse (ITB) Berlin*, Misi Jualan MATTAdan sebagainya.

Selain itu, dengan usaha promosi yang strategik yang telah dijalankan, sebanyak 8 pesawat tempahan khas terus (chartered) ke Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi telah beroperasi sepanjang tiga bulan pertama tahun 2010 iaitu 6 buah penerbangan tempahan oleh Finnair (Syarikat Penerbangan Finland) dan 2 penerbangan tempahan oleh Cathay Pacific dari Hong Kong.

**PERTANYAAN                      LISAN**

**DARIPADA :**                      Puan Teo Nie Ching [Serdang]

**TARIKH**                                      13 April 2010 (Selasa)

**SOALAN**

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha Kerajaan untuk memastikan bahawa orang yang kena tuduh di mahkamah tetapi berkeupayaan untuk mengupah peguam boleh mendapat bantuan guaman percuma supaya hak asasi mereka tidak terjejas.

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam keadaan seseorang tertuduh dipertuduh di mahkamah tetapi berkeupayaan untuk mengupah peguam, tidak timbul isu hak asasinya terjejas kerana dia sememangnya mampu melantik seorang pengamal undang-undang pilihannya untuk

**NO. SOALAN : 64**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

mewakilinya di mahkamah.

Walau bagaimanapun, bagi tertuduh yang tidak mampu untuk melantik peguam bagi mewakili mereka di mahkamah, Jabatan Bantuan Guaman (JBG) yang telah ditubuhkan sejak 1970 akan membantu golongan ini. Berdasarkan Jadual Kedua Akta

Bantuan Guaman 1971 [Akta 26], bidang kuasa jenayah JBG meliputi semua prosiding jenayah yang dalamnya tertuduh yang tidak diwakili oleh peguam mengaku salah kepada pertuduhan dan ingin membuat rayuan untuk meringankan hukuman berkenaan dengannya, prosiding di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611] dan prosiding jenayah di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 [Akta 336].

Kerajaan juga sedang meneliti bentuk penubuhan, struktur Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) dan mekanisme pelaksanaannya yang bertujuan memberi bantuan guaman dalam kes jenayah yang melibatkan tertuduh yang tidak mampu untuk melantik peguam mewakilinya dalam perbicaraan di mahkamah. Bagaimanapun, Kerajaan sedang menimbang sama ada seseorang tertuduh sama ada berkemampuan atau tidak, boleh diwakili peguam YBGK pada peringkat ditangkap, ditahan reman atau permohonan ikat jamin.  
Sekian. Terima kasih.

**SOALAN NO: 64**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN: LISAN**  
**DARIPADA YB TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]**

**TARIKH SELASA, 13 APRIL 2010**

**RUJUKAN 14 [PR-1231-L35505]**

**SOALAN**

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan modus operandi Tabung Penyenggaraan Satu Malaysia. Apakah bentuk program persendirian dan swasta yang layak diberikan dana tersebut, jumlah permohonan diterima setakat ini dengan menyatakan senarai tempat dan amaun yang dipohon dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Cheras, Tabung Penyelenggaraan Satu Malaysia atau **TPIMalaysia** akan digunakan bagi menyelenggara **rumah-rumah kos rendah milik swasta** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. TPIMalaysia ini akan disalurkan selepas tempoh kecacatan. dengan izin *defect liability period*. pembangunan itu tamat dan Badan Pengurusan Bersama atau dengan izin Joint Management Body (3MB) atau Perbadanan Pengurusan (*Management Corporation* atau MC ditubuhkan.

Dalam hal ini, TPIMalaysia ini dihadkan kepada penyelenggaraan perkara-perkara mustahak di perumahan awam kos rendah swasta sahaja. Kriteria penyelenggaraan yang diambil kira dan diberi perhatian adalah seperti berikut :

- (i) penyelenggaraan atau baik pulih lif;
- (ii) penyelenggaraan tangga;
- (iii) penyelenggaraan bumbung;
- (iv) mengecat bangunan;
- (v) membaiki kerosakan umum yang membahayakan penghuni;  
dan
- (vi) lain-lain kerosakan yang diputuskan wajar diselenggarakan oleh Jawatankuasa Pengurusan Tabung.

Untuk makluman, permohonan bagi menggunakan peruntukan dana



tabung ini hendaklah dikemukakan melalui JMB atau MC di mana JMB atau MC akan mengenal pasti keperluan dan kepentingan projek berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

Kaedah pelaksanaan tabung penyelenggaraan ini adalah berkonsepkan 'One To One' atau 'Matching Grant' di mana separuh dari kos penyelenggaraan akan dibiayai oleh TP IMalaysia dan selebihnya oleh tabung JMB atau MC. Setelah satu-satu kos penyelenggaraan dipersetujui, sejumlah wang (separuh daripada kos penyelenggaraan) dari tabung JMB atau MC perlu disalurkan kepada Jawatankuasa Penyelaras Tabung TPIMalaysia untuk dikumpulkan bagi melaksanakan projek penyelenggaraan dan kerja baik pulih yang telah dikenal pasti itu.

Pada masa ini, belum ada permohonan diterima dari JMB atau MC untuk tujuan penyelenggaraan rumah kos rendah swasta dari tabung TPIMalaysia kerana ia belum dibuka untuk permohonan. Untuk makluman, satu sesi taklimat kepada JMB atau MC akan diadakan sebelum dana tabung TPIMalaysia dibuka untuk permohonan kelak.



**Soalan No : 65**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI (GOMBAK)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>13.04.2010</b>

**SOALAN:**

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [ GOMBAK ] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah Kerajaan bercadang menukarkan nama Bahasa Malaysia kepada Bahasa Melayu selaras dengan Perkara 152 Perlembagaan Malaysia. Berapakah peruntukan Kerajaan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka sepanjang 10 tahun yang lepas dan apakah yang telah dicapai.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nama “bahasa Malaysia” diubah bagi menggantikan “bahasa Melayu” hanya dari segi penggunaannya. Pada asalnya, penukaran ini berlaku disebabkan kejadian rusuhan kaum dalam Peristiwa 13 Mei 1969. Perubahan nama ini adalah satu penyelesaian untuk mengubah sikap rakyat bukan Melayu terhadap bahasa kebangsaan, supaya mereka melihat bahasa berkenaan sebagai bahasa kebangsaan semua rakyat Malaysia, bukan hanya kepunyaan orang Melayu.

Nama “bahasa Malaysia” berfungsi sebagai nama bahasa kebangsaan Malaysia, dan dasar bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi dan juga bahasa pengantar persekolahan dan pengajian tinggi dapat dilaksanakan dengan aman.

Dengan penerimaan yang menyeluruh pada nama yang sesuai ini, Kerajaan yakin dapat memupuk perpaduan kaum di negara kita.

Untuk membina dan memperkaya bahasa kebangsaan, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah melaksanakan peranannya dengan peruntukan kewangan kerajaan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Bagi tempoh 10 tahun yang lalu, DBP telah berhasil melaksanakan pelbagai program kebahasaan seperti peristilahan, penyelidikan bahasa, perkamusan, penerbitan dan pengembangan bahasa. DBP telah memberi arahan, ulasan, nasihat, bantuan, bimbingan, latihan dan pengawasan yang sesuai. KPM juga sedang berusaha lebih gigih untuk memartabatkan bahasa Malaysia dengan mengukuhkan penggunaannya sebagai bahasa pengantar dan proses pengajaran dan pembelajaran.

Rjm 117

NO. SOALAN:

66 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR  
[TUMPAT]  
TARIKH 13 APRIL 2010 (SELASA)

SOALAN

DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR[ TUMPAT ] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan untuk membiayai Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) di Kelantan dan mengapakah JPP tidak diwujudkan di semua negeri-negeri.

JAWAPAN

Peruntukan Mengurus JPP Kelantan dari tahun 2006 - 2010 adalah sebanyak RM91.155.622.46.

Fungsi JPP Kelantan adalah sama dengan fungsi Pejabat Pembangunan Negeri di negeri-negeri lain. Perbezaan di antara JPP Kelantan dan Pejabat-pejabat Pembangunan Negeri adalah dari segi nama sahaja. Sehubungan itu, tidak timbul persoalan untuk mewujudkan Jabatan Pembangunan Persekutuan di negeri-negeri lain.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

DARIPADA LISAN

KAWASAN

TARIKH NO.

SOALAN  
PERTANYAAN

Y.B. DATO' HAJI ZULHASNAN  
BIN RAFIQUE SETIAWANGSA  
13.04.2010 (SELASA)

**67**

DATO' HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE minta MENTERI  
PERDAGANGAN ANT ARAB ANGS A DAN INDUSTRI

menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi menjamin kestabilan industri automotif Negara apabila sistem AP ditamatkan kelak.



## Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Dasar Automotif Nasional (NAP) telah diperkenalkan mulai 22 Mac 2006. Kajian semua ke atas NAP telahpun diumumkan pada 28 Oktober 2009 yang lalu dan telah dilaksanakan mulai 1 Januari 2010.

Salah satu dasar dan langkah baru yang diperkenalkan adalah berhubung Sistem Permit Import (AP). Di bawah kajian semua NAP:

- sistem AP bagi kenderaan terpakai iaitu bagi kenderaan penumpang, motosikal dan kenderaan perdagangan akan dimansuhkan menjelang 31 Disember 2015; dan
- sistem AP Francais bagi kenderaan baru akan dimansuhkan pada 31 Disember 2020.

Tuan Yang Di Pertua,

Pemansuhan sistem AP Terbuka menjelang tahun 2015 akan memberikan naia tuju yang jeias dan sebagai tempoh peralihan kepada pemegang AP sedia ada untuk mempeibagai dan menceburi perniagaan baru. Sebagaimana diumumkan dalam Bajet 2010, setiap AP Terbuka yang dikeluarkan akan dikenakan caj sebanyak RM10,000.

Menerusi kutipan caj tersebut, Kerajaan telah bersetuju pada 17 Februari 2010 untuk menubuhkan Dana Automotif Bumiputera. Dana ini akan digunakan bagi tujuan melaksanakan program-program kepada syarikat- syarikat pemegang AP Terbuka untuk beralih ke sektor

perniagaan yang lain. Antara program-program yang telah dikenal pasti dan akan dilaksanakan adalah:

- (i) pinjaman mudah kepada usahawan Bumiputera yang ingin mendapatkan hak francais/pengedar daripada syarikat Prinsipal;
- (ii) pinjaman mudah untuk dijadikan modal kerja kepada usahawan Bumiputera yang berminat menjadi pengedar kepada pemegang Francais;
- (iii) pinjaman mudah untuk pengedaran kenderaan kepada usahawan Bumiputera untuk melaksanakan projek pembesaran; dan
- (iv) pinjaman mudah untuk dijadikan modal kerja kepada usahawan Bumiputera yang berminat menceburi bidang-bidang lain dalam sektor automotif atau bidang lain selain sektor automotif.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi menjamin kestabilan industri automotif negara apabila sistem AP Francais dimansuhkan menjelang tahun 2020 pula, MITI akan mengadakan perbincangan lanjut bersama agensi-agensi yang berkaitan untuk mengenal pasti mekanisme yang sesuai untuk dilaksanakan apabila sistem AP francais ini dimansuhkan kelak.

A

*Ud-*

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN DARIPADA	LISA M.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN
KAWASAN	TANJONG MALIM
FARIKH NO. SOALAN :	13.04.2010 (SELASA) \$\$6\$

DATO<sup>5</sup> SERI ONG KA CHUAN [Tanjong Malim] minta MENTERI  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI  
menyatakan usaha yang telah diambil untuk meningkatkan  
tahap keselamatan kenderaan dengan melalui Dasar Automotif  
Negara yang mewajibkan pembuat atau pengedar kenderaan  
mengambil tindakan untuk membaik pulih (recall) kenderaan  
yang tidak selamat digunakan di jalan raya atas sebab masalah  
teknikal yang berpunca daripada kegagalan reka bentuk atau  
mutu alat ganti yang tidak memenuhi piawaian.

## Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Kajian Semua Dasar Automotif Nasional yang dilkuatkuasakan berrnuia 1 Januari 2010 memberi penekanan kepada aspek keselamatan dan persekitaran. Antara langkah- langkah yang diperkenalkan adalah:

- i. pengenalan Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA);
- ii. pemansuhan secara berperingkat pengimportan produk automotif terpakai;
- iii. pengenalan standard mandatori bagi komponen dan alat ganti; dan
- iv. pengenalan standard dan kualiti bahan api minyak petrol dan diesel bagi kenderaan.

Tuan Yang Di Pertua,

Selaras dengan Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Kaedah-

Kaedah Kenderaan Bermotor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), setiap kenderaan yang akan dijual di pasaran tempatan hendaklah terlebih dahulu mematuhi proses VTA. Mulai 19 November 2007, JPJ telah mengadaptasi dan mengguna pakai standard keselamatan yang ketat iaitu UNECE WP29. Ini bermakna, setiap pengeluar dan pengedar kenderaan hendaklah memastikan setiap kenderaan yang dikeluarkan atau diedarkan mematuhi ciri-ciri keselamatan yang telah ditetapkan oleh standard keselamatan UNECE WP29.

Tuan Yang Di Pertua,

Sekiranya terdapat insiden yang melibatkan kegagalan teknikal atau kenderaan tidak selamat digunakan di atas jalan raya, secara lazimnya pengeluar kenderaan terbabit secara sendirinya menarik semua kenderaan yang bermasalah dari pasaran kerana ini melibatkan kredibiliti dan reputasi mereka.





PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT **NO. SOALAN : 69**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN  
BUMBURING @ WILFRED

TARIKH 13 APRIL 2010 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN BUMBURING @ WILFRED minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tahap pertahanan di persisiran pantai timur di Sabah memandangkan kejadian penculikan dua orang nelayan baru-baru ini walaupun Kerajaan berkali-kali meyakinkan rakyat bahawa kawasan tersebut mendapatkan kawalan rapi.

JAWAPAN Y.B. DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN

Tuan Yang di-Pertua,

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sentiasa melaksanakan rondaan dan penguatkuasaan di laut dengan kehadiran kapal-kapal dan bot-bot APMM secara berterusan di kawasan perairan negara termasuk di perairan Sabah. Keadaan keselamatan pantai timur Sabah amnya adalah selamat dan dalam kawalan terutamanya daripada ancaman anasir luar seperti kumpulan militan, kumpulan pengganas ataupun puak pelampau lainnya.

Pasukan keselamatan yang ditugaskan mengawal keadaan keselamatan di sana terdiri daripada Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan agensi-agensi keselamatan lainnya.

Pasukan keselamatan ini ditempatkan secara fizikal di kawasan daratan dan juga pulau-pulau tertentu di kawasan pantai timur di bawah perintah dan kawalan beberapa operasi khusus. Di antara operasi khusus yang dijalankan ialah Ops Sejahtera (APMM), Ops Belasah (ATM) dan Ops Tayang (PDRM). Selanjutnya, ketiga-tiga agensi keselamatan ini digabungkan di bawah satu operasi khas yang dinamakan Operasi Setia Bersepadu yang telah pun melaksanakan kawalan dan rondaan terancang bagi mengawasi keadaan keselamatan di pantai timur Sabah.

Kejadian penculikan dua orang pengusaha Perusahaan Rumpai Laut di Pulau Sebangkat, Semporna pada 8 Februari 2010 jam 1.00 pagi tersebut adalah lebih merupakan *personal feud* (persengketaan peribadi). Ini adalah akibat daripada masalah yang timbul mengenai pembayaran gaji dan merupakan kejadian terpencil yang bukan dilakukan oleh kumpulan militan ataupun kumpulan pengganas ataupun puak pelampau lainnya.

Sekian, terima kasih.

AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA

JABATAN PERDANA MENTERI

**NO. SOALAN : 71**

NO.AUM : 74

NO. AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN [ SEPANGGAR]

13 APRIL 2010

TARIKH

2477

RUJUKAN

SOALAN:

Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan kakitangan/pegawai Jabatan Pendaftaran Negara yang terbabit dalam pengeluaran kad pengenalan dan kerakyatan Malaysia yang palsu sejak Merdeka sehingga kini di setiap negeri dan jumlah dokumen tersebut yang sah dikeluarkan dengan menyalahi undang-undang di setiap negeri.

**JAWAPAN:**  
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli yang Berhormat dari Sepanggar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pendaftaran Negara tidak pernah mengeluarkan apa-apa dokumen pendaftaran yang palsu sama ada kad pengenalan atau sijil warganegara kepada mana-mana orang. Sekiranya perkara ini dapat dibuktikan, Jabatan Pendaftaran Negara akan mengambil tindakan ke atas mana-mana kakitangan atau pegawai yang didapati menyeleweng, salah guna kuasa, tidak mengikut peraturan hingga mengeluarkan apa-apa dokumen pendaftaran yang tidak teratur.

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Dalam Negeri tidak mempunyai maklumat mengenai statistik kakitangan/pegawai yang ditahan atas kesalahan pengeluaran kad pengenalan dan kerakyatan Malaysia yang palsu sejak merdeka dan mengikut negeri. Namun begitu, pihak Polis DiRaja Malaysia ada membuat penahanan ke atas pegawai-pegawai di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 untuk mencegah penyalahgunaan kuasa dalam pengeluaran kad pengenalan dan kerakyatan Malaysia.



**SOALAN NO : 71**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN  
OLEH YB DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN  
MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA DATUK TIONG THAI KING  
[LANANG]  
TARIKH 13 APRIL 2010  
SOALAN

Datuk Tiong Thai King [ Lanang ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan menurut Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, negeri Sabah dan Sarawak mengalami masalah kekurangan doktor yang serius. Bagaimana Kementerian menyelesaikan masalah ini dengan berkesan agar mutu perkhidmatan kesihatan awam dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sememangnya sedar akan masalah kekurangan Pegawai Perubatan di Sabah dan Sarawak. Sehingga 31 Disember 2009, terdapat seramai 982 orang Pegawai Perubatan di Sarawak daripada sejumlah 2,004 jawatan yang diwujudkan. Bagi negeri Sabah, daripada 2,048 jawatan yang diwujudkan, sebanyak 902 orang Pegawai Perubatan mengisi jawatan tersebut.

Untuk makluman, Kerajaan telah melaksanakan usaha berterusan untuk menambah bilangan Pegawai Perubatan yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia. Dalam tahun 2006, seramai 1,124 orang graduan dalam bidang Perubatan melapor diri berkhidmat di Kementerian Kesihatan dan jumlah ini telah meningkat kepada lebih 3,000 orang dalam tahun 2009. Hal ini merupakan petanda positif dalam usaha Kerajaan untuk menambah bilangan Pegawai Perubatan di sektor awam.

Selain daripada itu, Kerajaan turut mengambil langkah untuk mendapatkan khidmat Pegawai Perubatan warganegara asing untuk berkhidmat secara kontrak di Kementerian Kesihatan Malaysia. Sehingga 6 April 2010, terdapat seramai 140 orang Pegawai Perubatan kontrak berkhidmat di negeri Sabah manakala seramai 102 orang berkhidmat di Sarawak. Langkah ini sedikit sebanyak telah membantu mengurangkan beban Pegawai Perubatan lantikan tetap Kementerian Kesihatan Malaysia di kedua-dua buah negeri tersebut.

**PERTANYAAN ; LISAN**

**DARIPADA : YB.TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**

**(SELAYANG)**

**TARIKH**

**13 APRIL 2010**

**SOALAN**

**TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN (SELAYANG)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dasar Kerajaan untuk melantik **UMNO** sebagai fasilitator bagi program Kerajaan "Juara Rakyat" dan mengapa ini tidak menjadi satu penyalahgunaan



agensi bagi tujuan politik.

**JAWAPAN:**

Kerajaan tidak pernah mengeluarkan surat perlantikan rasmi kepada UMNO sebagai fasilitator program Juara Rakyat. Juara Rakyat adalah program yang dilaksanakan atas usaha dan inisiatif bagi menjuarai pembangunan, kebajikan dan kehidupan rakyat. Natijah akhirnya ialah menjadikan rakyat sebagai Juara dalam segenap segi.

Kerajaan memandang positif usaha yang dibuat melalui pelaksanaan program Juara Rakyat ini. Ia benar-benar memberi banyak manfaat kepada rakyat berdasarkan sambutan kehadiran yang ramai dan meriah. Rakyat pelbagai lapisan umur serta berbilang kaum dan agama dapat berpeluang hadir menyemarakkan lagi program. Malah program ini juga tidak menghalang rakyat yang berfahaman pelbagai parti politik untuk datang. Objektif pelaksanaan program ini cukup bermakna kesannya kepada kehidupan rakyat. Ia selaras dengan Gagasan 1 Malaysia; Rakyat didahulukan pencapaian diutamakan.

Melihat ruang yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat di dalam program ini maka ada agensi kerajaan yang mengambil langkah pro aktif. Contohnya ada agensi kerajaan menjadi perantara kepada usahawan di bawah kelolaan agensi agar mempamer serta memasarkan produk-produk mereka. Usahawan ini dapat memanfaatkan ruang percuma yang diberi tanpa perlu penglibatan secara langsung daripada agensi kerajaan berkaitan.

Jumlah kehadiran rakyat pelbagai kaum yang ramai ke program Juara Rakyat telah menyerlahkan lagi kejayaan usaha perpaduan dan keharmonian kaum. Justeru berikutan tempat diberi percuma maka terdapat agensi kerajaan yang turut menjalankan khidmat mereka bersama rakyat pada hari program. Ini meliputi aspek keselamatan seperti polis dan RELA, KEMAS serta SPR untuk daftar pemilih dan lain- lain lagi.

Sekian. Terima kasih.

**SOALAN NO: 73**

**PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

	<b>JAWAB LISAN</b>
<b>PERTANYAAN</b>	Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]
<b>DARIPADA</b>	13 APRIL 2010 (SELASA)
<b>TARIKH</b>	Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ] minta <b>MENTERI</b>
<b>SOALAN</b>	<b>PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI</b> menyatakan
	(a) langkah-langkah segera yang diambil bagi mempromosi tanaman stevia sebagai punca gula alternatif ekoran dari kenaikan harga gula baru-baru ini; dan
	(b) sejauh mana kejayaan usahawan kecil dalam mengeluarkan dan memasarkan gula stevia.

**JAWAPAN :Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS**

**TANI Tuan Yang Dipertua,**

- (a) Stevia (*Stevia rebaudiana*), juga dipanggil 'sweet honey leaf' ialah sejenis tanaman yang berasal dari Paraguay, Amerika Selatan. Orang asli Guarani di Paraguay menggunakan stevia untuk memaniskan minuman ubatan yang pahit. Stevia adalah pemanis yang lebih sihat dibandingkan dengan gula kerana ia tidak mengandungi kalori, walau pun 250-300 kali lebih manis daripada gula. Oleh itu, stevia adalah lebih selamat digunakan oleh pesakit diabetes, untuk mengurangkan berat badan dan ia tidak menyebabkan kerosakan gigi (*caries*).

Buat masa ini, promosi untuk menggalakkan penanaman stevia belum lagi dilaksanakan kerana kesesuaian tanaman ini di Malaysia masih lagi dalam peringkat kajian oleh pihak MARDI. MARDI telah mula menjalankan penyelidikan tanaman stevia secara mendalam mulai tahun 2004 dengan memberi fokus kepada teknologi penanaman. Aspek penyelidikan utama ialah

pemilihan varieti, amalan agronomi, kawalan musuh dan penyakit, mekanisasi ladang dan pengendalian lepas tuai.

Hasil dari kajian mendapati stevia belum sesuai untuk disyorkan bagi penanaman secara komersial kerana:

- Varieti stevia yang benar-benar sesuai belum ditemui;
- Masalah utama penanaman stevia ialah tanaman ini berbunga terlalu awal menyebabkan penuaian yang kerap. Dengan itu, kos pengeluaran menjadi tinggi dan tidak kompetitif.
- Kandungan bahan pemanis stevia yang dihasilkan didapati lebih rendah berbanding hasil dari negara luar; dan
- Teknologi bagi pembiakan tanaman yang efektif masih sedang diperkembangkan.

Namun begitu penyelidikan dalam penggunaan stevia sebagai pengganti gula telah memperoleh pencapaian yang signifikan. Di antaranya ialah dalam penggunaan stevia dan isomalt sebagai bahan gantian gula dalam pembuatan kuih-muih seperti tart; mengganti gula dalam sirap glukosa untuk pembuatan konfeksi jeli berperisa dan juga dalam pembuatan coklat susu.

- (b) Sehingga kini masih belum ada penanaman stevia oleh pekebun kecil kerana masih tidak dapat bersaing dengan kos bahan mentah stevia yang diimport dari China dalam bentuk daun kering pada harga RM7.00 sekilogram. Pada masa sama, tiada usahawan kecil yang memproses dan menjual pemanis yang diperbuat daripada stevia. Hanya ada satu syarikat yang besar iaitu **PureCircle** di Labu, Negeri Sembilan yang mengimport bahan mentah dan memproses produk stevia untuk tujuan eksport.

FAMA juga belum memberi perhatian yang serius mengenai promosi gula alternatif daripada tanaman stevia. Walau bagaimanapun, terdapat 2 usahawan memasarkan produk teh dari tanaman ini. FAMA memberi mereka peluang di karnival/pesta jualan yang dianjurkan untuk memperkenalkan produk mereka.

